

KAMPUNG PARIT BILAL: SATU KES
STUDY TERHADAP CORAK PEMILIKAN
TANAH DAN KAITANNYA DENGAN
STRATIFIKASI DAN LEADERSHIP

OLEH:

NO. MATRIK 37930

Latihan Ilmiah Untuk Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-syarat Untuk Ijazah
Sarjana Muda

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

1982/83

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim;

Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana telah memberikan hidayahnya sehingga siapnya Latihan Ilmiah saya ini. Di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat yang telah membantu saya semasa kajian ini dijalankan sehingganya ianya berhasil seperti yang ada sekarang.

Pertama, ribuan terima kasih saya tujukan kepada Penyelia saya Professor Dr. Syed Husin Ali, Pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, yang telah memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan teguran-teguran yang membina dalam usaha saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Juga ucapan terima kasih saya kepada Dr. Hing Ai Yun selaku penyelia luar saya, dengan memberi nasihat serta panduan bagi saya memulakan kajian ini.

Tidak ketinggalan juga terima kasih saya kepada Naib Ketua Kampung En. Arbak bin Manaf serta semua penduduk Kampung Parit Bilal, Batu Pahat Johor, yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya bagi saya menjalankan kajian. Juga kepada En. Abdullah Salam, En. Salleh Salim, Cik Rokiah Hashim dan Cik Sani Wongsokartiko yang telah sama-sama membantu saya dalam menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Dan akhir sekali kepada keluarga saya yang telah memberikan semangat dan bantuan sehingga berhasilnya Latihan Ilmiah saya.

Di atas kerjasama dari semua pihak yang terlibat saya ucapkan jutaan terima kasih. Semoga Allah akan membala jasa kalian. Wassallam.

Universiti Malaya,

Kuala Lumpur.

20hb. Dec 1982.

SINOPSIS

Dalam latihan ilmiah ini, tumpuan penulis ialah terhadap pola-pola pemilikan tanah yang terdapat di Kampung Parit Bilal, Batu Pahat, Johor. Ianya terbahagi kepada VI bab.

Di dalam bab I diuraikan dengan ringkas mengenai tujuan kajian, bidang kajian, method kajian serta masalah kajian ini.

Bab II, membincangkan tentang definasi serta konsep-konsep penting yang terdapat pada penggunaan ayat untuk mengelakkan kekeliruan, seperti konsep stratifikasi, status, kelas, leadership dan sosiologi mengenai konsep tersebut.

Bab III pula membincangkan tentang latar belakang tempat kajian, kedudukan geografi, sejarah kampung, pentadbiran dan corak pimpinan tradisional. Juga menyentuh tentang penduduk kampung dari segi bilangan satu-satu kaum, jumlah keluarga serta taburan umur seluruh ketua keluarga yang di kaji.

Di dalam bab ini juga menghuraikan dengan detail tentang biodata responden iaitu menyentuh tentang soal-soal latar belakang responden seperti umur, saiz keluarga, serta tempat asal responden.

Bab IV, membincangkan tentang tanah, pola pemilikannya di kalangan penduduk yang di kaji, sebaran pemilikan, jenis-jenis penggunaan tanah. Di sini diuraikan tentang kes sebaran pemilikan yang terlalu mengikut pekerjaan, pendapatan, umur responden, katogeri pekerja serta pembahagian pemilikan mengikut pekerjaan dan luas pemilikan.

Cara pemilikan tanah yang terdapat di kalangan penduduk iaitu samada melalui pusaka, beli, teroka, hadiah atau anugerah dan dengan salah satu cara atau gabungan beberapa cara tersebut. Kemudian membincangkan

tentang kes-kes penjualan tanah, sebab-sebab tanah dijual serta timbun tambah yang berlaku di kalangan penduduk di kampung ini.

Bab V, membincangkan tentang implikasi ekonomi dan sosial yang timbul dari pola-pola pemilikan tersebut iaitu keatas pendapatan, harta, simpanan dan tabungan responden. Juga melihat sejauh mana responden dapat menjimatkan perbelanjaan dan samada berlaku pinjaman atau hutang, gadai serta penjualan yang semuanya tergolong dalam faktur ekonomi.

Keadaan ini seterusnya membawa kepada implikasi sosial mengenai susun lapis masyarakat di kampung masa kini. Mengkaji faktur-faktur penentu status dan kelas dalam masyarakat yang di kaji, sambil melihat samada terdapat faktur-faktur tertentu yang mesti ada pada seseorang untuk menjadikan ianya di hormati oleh masyarakat.

Bab VI, merupakan penutup dan kesimpulan daripada apa yang diuraikan dan apa yang di temui oleh pengkaji semasa menjalankan kajian. Serta membuktikan benar atau tidak teori-teori yang di kemukakan oleh beberapa orang pengkaji dahulu. Juga membincangkan kampung ini dalam konteks pembangunan negara. Di sini juga pengkaji telah memberikan beberapa saranan hasil dari penemuan-penemuan dari kajian.

DAFTAR LAMAR KEGIATAN PENELITIAN	
3.1 Pendidikan geografi	21
3.2 Asjarah kampung	22
3.3 Pendidikan dan etika propinasi tradisional	26
3.4 Persekitaran	28
3.5 Pendidikan bagi setiap-satu kaum bagi Kampung Parkit Bilal	30
3.6 Jumlah keluarga bagi setiap-satu kaum di tiap-tiap kaum kampung	32
3.7 Taburan suku kaum keluarga dan ukuruan keluarga	34


	ISI KANDUNGAN	37
4.1 Pendahuluan		37
4.2 Latar pemilihan kajian		Muka surat
PENGHARGAAN		i
SINOPSIS		ii
DAFTAR KANDUNGAN		iv
SENARAI JADUAL		vi
LAMPIRAN PETA		vii
BAB I: <u>PENDAHULUAN</u>		7
1.1. Tujuan kajian		1
1.2 Bidang kajian		2
1.3 Method kajian		4
1.4 Masalah kajian		8
BAB II: <u>DEFINASI DAN KONSEP-KONSEP YANG DIGUNAKAN</u>		10
2.1 Tanah		10
2.2 Stratifikasi sosial		11
2.3 Kelas		14
2.4 Status		15
2.5 Leadership		16
2.6 Kekeluargaan/kekerabatan		18
BAB III: <u>LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN.</u>		22
3.1 Kedudukan geografi		21
3.2 Sejarah kampung		23
3.3 Pentadbiran dan corak pimpinan tradisional		26
3.4 Hubungan antara stratifikasi sosial dan leadership yang		29
II. <u>PENDUDUK</u>		31
3.5 Bilangan penduduk bagi satu-satu kaum bagi Kampung		31
Parit Bilal		30
3.6 Jumlah keluarga bagi tiap-tiap kaum di tiap-tiap		31
kawasan kampung.		32
3.7 Taburan umur ketua keluarga dan seluruh keluarga		
yang di kaji.		34

BAB IV: <u>I.TANAH</u>	37
4.1 Pendahuluan	37
4.2 Cara pemilikan tanah	37
4.3 Cara pemilikan tanah mengikut jenis pengerjaan tanah	41
4.4 Pemilikan tanah mengikut umur ketua keluarga	44
II: <u>PEKERJAAN</u>	47
4.5 Pekerjaan penduduk	47
4.6 Pembahagian ketua keluarga mengikut katogeri pekerjaan	47
4.7 Pembahagian mengikut pekerjaan dan luas pemilikan tanah	50
(a) Dalam pertanian	
(b) Luar pertanian	
(i) dengan kerajaan	
(ii) luar kerajaan	52
(c) Tidak bekerja	53
BAB V: <u>KESAN EKONOMI DAN SOSIAL</u>	
I: <u>KESAN EKONOMI</u>	
5.1 Pendahuluan	54
5.2 Pendapatan	54
5.3 Penyibaran pendapatan keseluruhan keluarga dan tanggungan	59
5.4 Pendapatan ketua keluarga mengikut umur	59
5.5 Harta, tabungan dan simpanan	62
II: <u>KESAN SOSIAL</u>	65
5.6 Pelajaran	68
5.7 Bentuk stratifikasi sosial dan leadership yang wujud serta faktur-faktur penentu kelas dan status	71
BAB VI: <u>PENUTUP</u>	79
BIBLIOGRAFI	84
QUESTIONAIRES	86

SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual 3.1 Pembukaan tanah oleh pengasas-pengasas Kampung Parit Bilal	25
3.2 Keturunan Abdul Ghani b. Ribut (sahaja) yang masih menguasai sebilangan tanah di Kampung Parit Bilal	27
3.3 Bilangan penduduk bagi satu-satu kaum di Kampung Parit Bilal	31
3.4 Jumlah keluarga bagi tiap-tiap kaum di tiap-tiap kawasan Kampung Parit Bilal	32
3.5 Taburan umur ketua keluarga dan seluruh anggota keluarga yang di kaji.	35
4.1 Cara pemilikan tanah mengikut jenis pengerjaan tanah	43
4.2 Pemilikan tanah mengikut umur	45
4.3 Pembahagian ketua keluarga mengikut katogeri - pekerjaan	48
4.4 Pembahagian mengikut pekerjaan dan luas pemilikan tanah	51
5.1 Pembahagian ketua keluarga mengikut katogeri pekerjaan	56
5.2 Penyibaran pendapatan keseluruhan keluarga dan tanggungan	60
5.3 Pendapatan ketua keluarga mengikut umur	61
5.4 Simpanan mengikut pekerjaan	65
5.5 Tingkat pelajaran ketua rumah mengikut pekerjaan	69
5.6 Pembahagian kelas	76



BAB I1. Pendahuluan

Tanah adalah punca besar segala pembangunan. Masaalah tanah dan pentadbirannya bukanlah semata-mata persoalan negeri, tetapi ianya satu masaalah negara, khasnya masaalah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Perlu di-tekankan bahawa "land administration is not an end itself, but it is a tool of development".

Tanah adalah satu unsur penting yang terlibat secara langsung dengan penghidupan manusia, khususnya mereka yang digolongkan dalam masyarakat tani, kerana tanah adalah satu punca ekonomi mereka. Jadi apabila mempersoalkan tentang tanah. Persoalan-persoalan seperti hak milik tanah, aktiviti ekonomi yang dijalankan serta corak pemilikannya adalah perlu diberi perhatian yang khusus.

1.1. Tujuan Kajian

Kajian ini adalah satu kajian kes tentang pola pemilikan tanah di kalangan penduduk serta faktur-faktur yang menentukannya. Tujuan ialah untuk melihat samada wujud atau tidak tuan-tuan tanah serta mereka yang kekurangan tanah atau tidak bertanah langsung. Dengan itu dapat dilihat samada wujud 'Concentration' atau pemasatan pemilikan tanah di kalangan penduduk yang dikaji.

Di sini ingin juga kita melihat perhubungan antara manusia dengan tanah atau 'men and land relationship' yang wujud dan juga meneliti aktiviti ekonomi yang dijalankan, dan sejauh

manakah kehidupan penduduk di sini masih bergantung kepada faktur tanah sebagai mata pencarian utama mereka atau sebaliknya.

Selain dari itu kajian ini akan cuba juga melihat implikasi yang timbul dari pola pemilikan tanah yang telah diperkatakan tadi terutama dari segi sosial. Contohnya adakah keluarga tertentu memiliki sebahagian besar daripada tanah di kampung ini. Dan mungkinkah terdapat pemasatan harta di kalangan keluarga tertentu.

Tujuan kajian ini juga ingin melihat adakah wujud golongan lain atau kumpulan baru yang cuba mengumpul harta contohnya dari golongan guru, pegawai-pegawai kerjaan dan sebagainya yang boleh mengubah corak pemulihan tanah pada masa dahulu.

Kajian ini meliputi cara-cara bagaimana proses pengumpulan harta itu berlaku di mana akhirnya menimbulkan kesan sosial seperti stratifikasi, leadership dan sebagainya.

Akhir sekali kajian ini diharap dapat membuktikan adakah benar anggapan bahawa orang yang banyak tanah biasanya dihormati dan mempunyai status yang tinggi dan berpengaruh di kalangan penduduk di kawasan yang dikaji.

1.2. Bidang Kajian

Kajian kes ini telah dijalankan di Kampung Parit Bilal, Mukim V, Batu Pahat, Johor.

Tumpuan kajian ialah kepada pemilikan tanah di kalangan orang-orang Melayu sahaja dan tidak menyentuh langsung mengenai pemilikan bangsa asing yang tinggal di kampung ini walau-pun bilangan mereka agak ramai.

Pengkaji telah memilih seratus buah keluarga Melayu di mana kajian ditumpukan terutama kepada ketua keluarga samada penduduk asal kampung ini atau pendatang dari kawasan luar kampung. Dengan cara ini pengkaji dapat melihat sejauh mana pendatang dari luar dapat menguasai tanah di kawasan kampung ini.

Bidang kajian ini meliputi berbagai aspek mengenai responden, iaitu biodata keluarga, umur responden, taraf pelajaran, tempat dilahirkan, pendapatan, keluasan tanah yang dimiliki, jumlah yang telah dijual serta tujuan penjualan tanah tersebut.

Di samping itu pengkaji juga telah cuba melihat sikap sebilangan tuan tanah dan mereka yang menyewa tanah. Meneliti keadaan sesuatu keluarga serta cara penggunaan tanah yang dimiliki.

Ia juga merupakan satu kajian komuniti yang bertujuan untuk melihat stratifikasi sosial, kewujudan kelas dan status, juga peranan kelas dan status di dalam organisasi sosial sesuatu komuniti.

Kajian tentang stratifikasi sosial ini memang popular di Barat, terutama di Ameria selepas perang Dunia Pertama. Begitu juga tentang kajian-kajian di Asia. Contohnya di India oleh Desai, A. R. dalam bukunya "Rural Sociology in

India", Bombay. The Indian Society of agricultural Economists, 1961. Dan kajian di Malaysia oleh M. G. Swift dalam bukunya "Malay Peasant Society in Jelebu", London 1965 dan oleh S. Husin Ali dalam "Masyarakat Dan Kepimpinan Kampung Di Malaysia", Kuala Lumpur 1977 dan kajian-kajian lain.

Kajian ini berdasarkan kepada dua hypothesis. Pertama, bahawa dalam masyarakat Melayu Luar Bandar, mereka boleh dikatogerikan kepada beberapa kelas dan kelas ini berkait rapat dengan aktiviti ekonomi utama mereka terutama yang berkaitan dengan tanah yang merupakan sumber pertanian yang penting.

Kedua, bahawa kedudukan status dalam ahli masyarakat didapati dari faktur kelas dan keduanya dari faktur-faktur lain seperti ugama, pelajaran, pekerjaan dan lain-lain faktur yang menyebabkan orang ramai menganggapnya tinggi dalam masyarakat.

Kampung Parit Bilal telah dipilih bukan kerana apa-apa keistimewaanannya. Pengkaji ingin mengkaji pola pemulihan tanah dan kaitannya dengan stratifikasi dan leadership termasuklah struktur kelas dan status di dalam masyarakat Melayu. Kampung ini dipilih kerana pengkaji telah tinggal lebih dari sepuluh tahun di kampung tersebut.

1.3 Method Kajian

Kajian ini telah dijalankan selama lebih kurang satu bulan setengah iaitu mulai awal April hingga pertengahan bulan Mei.

Method kajian yang telah dijalankan atau digunakan adalah method kajian kes. Kajian kes boleh didefinasikan sebagai kajian yang tidak mempunyai satu teknik yang khusus. (1) Ia adalah satu cara mengorganisasikan data sosial supaya dapat memelihara sifat kesatuan objek sosial yang sedang dikaji atau ia adalah pendekatan yang melihat sesuatu unit sosial sebagai keseluruhan. Oleh kerana itulah maka kajian kes selalu digunakan untuk mengkaji kumpulan secara intensif. (2)

Pengkaji telah menjalankan kajiannya melalui berbagai cara. Antaranya ialah dengan menggunakan satu set soal selidik, interview atau temu-bual dengan penduduk dalam kawasan yang dikaji, pemerhatian ikut serta dan sumber-sumber keterangan bertulis.

'Soal selidik' dan 'Schedule' adalah merupakan dua alat penting yang selalu digunakan dalam mendapatkan data dari kedua-dua bentuk ini boleh dikatakan serupa. Keadaan ini boleh dilihat melalui kata-kata Good, W dan Hatt P. iaitu;

"The two forms obviously have much in common, particularly the fact that in both cases the wording of the questions is the same for all respondents" (3)

Tetapi bezanya hanya dari segi teknik iaitu Schedule ialah ditanyakan soalan dan menulis terus jawapan yang telah diberi oleh seseorang. Pengkaji telah menggunakan cara schedule di dalam mengumpulkan data dan tidak menggunakan cara soal selidik

(1) Goode W. & Hatt P. "Method In Social Research" Mc Graw Hill Book Co. Inc. New York 1952 - M. Surat 331

(2) M. I De Fleur (1972). "Studying Man in Society", Scott Foresman and Co. USA Introduction - M. Surat 37

(3) Op. cit - M. Surat 331

yang diedarkan kerana dengan cara ini (diedarkan) mungkin responden ada yang kurang jelas dengan apa yang dipersoalkan. Tetapi dengan schedule, iaitu ditanya soalan dan ditulis, apabila responden tidak faham soalan tersebut, ia boleh bertanyakan semula. Namun begitu cara ini lebih lama jika dibandingkan dengan soal selidik. Tetapi pengkaji lebih suka cara ini kerana boleh mendapatkan lebih banyak maklumat.

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan seratus keping borang di mana soalan-soalan yang dikemukakan meliputi butir-butir peribadi, harta benda yang dimiliki, penjualan tanah, penyewaan tanah, taraf pendidikan keluarga dan lain-lain. Dalam menjalankan temu-bual ini pengkaji lebih mengutamakan ketua keluarga iaitu suami dan keluarga yang tinggal tetap di kawasan yang dikaji. Kecuali di dalam beberapa kes di mana pengkaji telah menyoal isteri atau anak kerana suami atau bapa mereka tiada di rumah atau bekerja di tempat lain.

Soalan yang telah dikemukakan kepada responden terdapat dalam dua bentuk iaitu soalan tertutup atau 'close-ended' dan 'soalan terbuka' atau 'open-ended questions'.

Soalan tertutup ialah,

"The possible responses are contained in the questions so that the respondent merely has to select the category which come closest to his position".⁽⁴⁾

Manakala soalan terbuka atau 'open-ended' pula ialah,

(4) Frestiger dan Katz (1953), Research Methods in the Behavioural Sciences. Holt Rinehart and Winston Inc., U.S.A - M. Surat 351

(5) Rossi dan Jackson, Research Methods In Social Investigations, 2nd edition, London, 1971 - M. Surat 24

den yang terdiri dari orang-orang tua di kampung, terutama untuk mendapatkan maklumat mengenai sejarah kampung pemilik awal tanah di kampung tersebut dan sebagainya. Cara ini juga boleh mengukuhkan lagi rumusan tentang maklumat yang dibuat nanti.

Pengkaji biasanya menjalankan kajian di waktu petang selepas responden ini berehat dan bila mereka mempunyai masa lapang.

Selain dari cara-cara di atas, pengkaji juga mendapatkan bahan dari sumber-sumber yang bertulis, umpamanya dari catatan fail Naib Ketua Kampung dan lain-lain.

1.4 Masaalah Kajian

Walaupun pengkaji telah tinggal lebih dari sepuluh tahun di kampung Parit Bilal ini, namun terdapat beberapa masaalah dalam menjalankan kajian ini.

Di antara masaalah yang timbul ialah berkaitan dengan etika. Kerana kebanyakan soalan yang dikemukakan adalah berkaitan dengan harta, pendapatan dari hak milik keluarga. Oleh itu ia merupakan satu soalan yang sensitif dan kebanyakan daripada responden malu untuk memberikan jawapan.

Begitu juga tentang soalan mengenai penjualan tanah, ada di antara mereka yang enggan bekerjasama. Jadi pengkaji terpaksa menggunakan cara lain umpamanya bertanyakan orang lain yang mengetahui tentang hal tersebut atau mengadakan perbualan selepas interview supaya secara tidak langsung responden akan menceritakannya. Atau melalui orang-orang

yang tidak bertanah yang akan cuba memberitahu pengkaji siapa dia yang banyak memiliki tanah di kampung tersebut.

Pengkaji juga menghadapi masaalah apabila ada di antara mereka yang mengikuti pengkaji pergi ke rumah responden lain. Keadaan ini menyebabkan responden tersebut merasa malu untuk menyatakan tentang harta yang ada dan kadang-kadang mereka telah dipengaruhi sehingga menyukarkan pengkaji untuk menjalankan kajian.

Tetapi dalam satu kes di mana A telah mengikuti pengkaji ke rumah B (keluarga yang agak kaya). Apabila dikemukakan soalan, B merasa malu-malu, tetapi A telah cuba menyoal B mengenai tanah-tanah yang telah dijualkannya kepada pihak lain. Dalam keadaan ini, walaupun B telah menjawab soalan (walaupun tidak dengan kerelaan hatinya), tetapi jawapan yang diberikan agak detail dan pengkaji merasa puas hati.

Ada juga responden yang menjawab tidak dengan kerelaan hati kerana takut. Sebagai contoh ada di antara responden yang telah memberitahu tentang harta dan tanahnya dan meminta pengkaji supaya tidak menghantar lapuran kepada pihak kerajaan.

Walaupun terdapat masaalah dalam menjalankan kajian ini tetapi pengkaji telah cuba mengatasinya dan mendapatkan seberapa banyak data yang boleh untuk dijadikan bahan kajian di samping kerjasama yang diberikan oleh penduduk di kampung ini.

BAB II

2. DEFINASI DAN KONSEP-KONSEP YANG DIGUNAKAN

Setakat ini telah banyak konsep-konsep atau 'term' yang telah digunakan dalam kajian ini. Contohnya Stratifikasi, status, kelas, leadership dan juga tanah. Untuk itu adalah elok sekiranya pengkaji menerangkan terlebih dahulu tentang konsep-konsep dan istilah yang digunakan supaya tidak berlaku kekeliruan di dalam perumahan kita nanti.

2.1. Tanah

Di dalam bab ini kita menyentuh persoalan yang menjadi tema kajian iaitu pola pemikiran tanah di Kampung Parit Bilal, Batu Pahat Johor. Penyelidikan tentang pemilikan tanah dan penggunaannya adalah perlu kerana struktur pemilihan tanah perlu dikaji berdasarkan hakikat bahawa tanah adalah sumber pengeluaran yang terpenting bagi masyarakat tani. Selain daripada itu tanah juga merupakan harta yang menjadi sumber kekayaan dan kekuasaan bagi masyarakat.

Tidak dapat dinafikan bahawa manusia dan tanah mempunyai kaitan dan hubungan yang rapat. Kerana setiap inci tanah itu mempunyai nilai yang besar bagi masyarakat tani khasnya dan masyarakat bukan petani amnya.

Masyarakat tani memerlukan tanah kerana ia merupakan sumber pendapatan yang penting; selain daripada digunakan untuk tapak rumah. Mereka ini berpegang kuat kepada pepatah "berbudi pada tanah, kita akan mendapat hasilnya." Keadaan ini sudah cukup untuk menunjukkan betapa pentingnya tanah pada mereka.

Selain daripada tanah sebagai punca pendapatan, ia juga boleh digunakan untuk menilai kedudukan seseorang samada ianya kaya, miskin dan sebagainya. Ini adalah kerana dalam masyarakat ini kekayaan adalah lebih di dasarkan kepada keluasan atau bilangan tanah yang dimiliki. Dalam keadaan ini mereka lebih suka menggunakan wang yang diperolehi untuk membeli tanah daripada menabung atau melaburkannya.

Kepentingan tanah tidak dapat di nafikan seperti kat M. G. Swift dalam bukunya "Capital, Saving and Credit in Malay Peasant Economy" beliau mengatakan;

"Certain tangible assets are regarded as property 'harta'. The possession of them gives the villagers a sense of worth and security, land is the most desirable form of property" (7)

Di pihak kerajaan pula tanah digunakan untuk projek-projek pembangunan dan perumahan bagi menampung kadar pertambahan penduduk yang pesat supaya selaras dengan keluasan tanah yang ada.

2.2 Stratifikasi Sosial

Konsep kedua yang perlu diketahui dan agak penting ialah stratifikasi sosial. Stratifikasi bermaksud penyusunan kedudukan individu dalam masyarakat melalui hiraku tinggi rendah yang ditinjau dari aspek-aspek faktur kelas, status dan role. Sarjana-sarjana Barat dan ahli-ahli sosiologist telah banyak memberikan definisi tentang stratifikasi sosial ini. Di antara mereka ialah James Little John yang mengatakan;

"It is the name under which sociologists study inequality in society, i. e. the unequal distribution

(7) M. G. Swift - Capital, Saving and Credit in Malay Peasant Economy, Acdine Publishing Comapany, Chicago 1969 M. Surat 153

of goods and services, rights and obligation, power and prestige".(8)

Manakala Patirim Sorokin mengatakn;

"social stratification means the differentiation of a given population into hierarchically superposed classes. It is manifested in the existence of Upper and Lower social layers".(9)

Sistem penyusunan yang terdapat dalam masyarakat melibatkan ketiga-tiga aspek iaitu ekonomi, politik dan ugama; di mana ketiganya saling pengaruh mempengaruhi antara satu sama lain dalam mengjudkan kelas dan status dalam masyarakat. Tetapi walaupun begitu, terdapat juga pengecualian di mana aspek-aspek tadi wujud secara berasingan;

Concrete forms of social stratification are humerous. The majority of them may however, be reduced three principles classes, the economic, the political and the religious.

Stratifikasi dalam masyarakat juga dapat dilihat dari aspek status pekerjaan seseorang. Status pekerjaan seseorang merujuk pula pada kebolehan dan jenis pekerjaan samada memerlukan skil atau pengetahuan tertentu. Satu aspek yang penting juga dikaitkan dengan pekerjaan iaitu yang boleh dihasilkan oleh bidang pekerjaan yang tertentu. Ini berlaku kerana bidang pekerjaan yang tertentu itu menghasilkan pendapatan yang berbeza dengan jenis pekerjaan yang lain. Pendapatan yang tinggi membolehkan seseorang individu itu memiliki barang-barang yang menjadi simbol status dan kelas.

Weber menganggap kelas sebagai kumpulan yang mempunyai peluang

(8) James Little John; 'Social Stratification an Introduction' (ed) Prof. W. M. William, University of College Suranses, London M. Surat 2.

(9) Patirim, Sorokin; 'Social Mobility in Social and Culture Mobility', The Free Press 1959 - M. Surat 11

peluang untuk memperolehi pendapatan.

Dari aspek ekonomi, hubungan individu dengan faktur-faktur penge-
luaran dan peluang-peluang bagi meningkatkan pendapatan di anggap
penting. Ini dikenal dengan 'marked situation' yang mana melibatkan
sumber-sumber pendapatan, saiz pendapatan, darjah keselamatan dan
penerimaan sejumalah pendapatan tadi dan darjah dalam peluang-peluang
peningkatan dalam mobiliti pekerja.

Pendapatan seseorang individu bergantung pada 'work situation'
dalam pembahagian kerja. Dalam perbezaan di atas, maka wujudlah keti-
daksamaan pendapatan dalam masyarakat;

"It is generally admitted that inequality of income
is one important element in class hierarchy. But
numerous investigation have established that the
inequality of income depends very largely upon
the unequal distribution of property". (10)

Kehidupan di dalam masyarakat bermakna organisasi tentang kepen-
tingan individu, peraturan tentang tingkah laku mereka terhadap satu
sama lain, dan penyatuan mereka dalam satu kumpulan untuk membuat
tindakan bersama. Pertalian yang ditimbulkan daripada hubungan mereka
itu kelihatan mempunyai sejenis sistem yang di namakan struktur social.

Struktur sosial sesuatu masyarakat itu termasuklah di dalamnya
berbagai-bagai jenis kumpulan yang dibentuk oleh manusia dan insti-
tusi yang mereka anggotai. Apabila kita memperkatakan tentang satu
institusi kita maksudkan beberapa set hubungan tertentu yang timbul
dari kegiatan-kegiatan kumpulan manusia untuk mencapai matlamat
sosial. Oleh itu di dalam masyarakat Melayu adalah ditentukan oleh
apa yang disebut sebagai norma, nilai, keperchayaan, kebiasaan dan
moral dalam masyarakat di mana terdapat banyak faktur yang menentu-
kan status dan kelas seseorang.

(10) T. B. Bottomore; 'Class in Modern Society'. George Allen and
Unwin Ltd. London 1970 - M. Surat 16

2.3 Kelas

Di dalam sistem kelas, sifat perbezaan utama yang selalu digunakan ialah kedudukan ekonomi dalam dan fungsi, walaupun kejadian kelas ini kerap kali juga didapati di dalam bidang yang lebih luas.

Kelas mengikut Ralf Dahrendorf dalam bukunya "Class and Class Conflict in Modern Industrial Society" adalah;

"..... a force that unites into groups people differences from one another, by overriding the differences between them". (II)

Beliau mengatakan kelas wujud akibat adanya perlapisan dalam masyarakat berpunca dari fenomena psikologi iaitu manusia mewujudkan bentuk kelas-kelas dalam masyarakat berpunca dari rasa egonya. Juga wujud perasaan untuk memiliki dan dimiliki dalam sebuah masyarakat, iaitu dari segi kepentingan diri. Maka dengan sendiri mewujudkan kelas sosial dalam masyarakat.

Kelas adalah satu perkara yang wujud dalam masyarakat manusia dan di dalamnya manusia adalah sama sahaja statusnya. Sistem kelas atau perlapisan sosial adalah merupakan sistem kelas samada ianya mempunyai hubungan dalaman atau luaran. Struktur kelas ini tidaklah tertumpu pada struktur keluasan seseorang semata-mata.

Marx menekankan bahawa semua bentuk organisasi ekonomi yang telah wujud tidak dapat mencetuskan konflik antara kelas-kelas

(II) Ralf Dahrendorf; "Class and Class Conflict in Industrial Society"
London 1959 - M. Surat 73

sosial dan konflik ini kemudian ditentukan oleh kedudukan ekonomi dan hasil daripada konflik akan menentukan bagaimana masyarakat itu berubah.

2.4 Status

Ada banyak faktur yang menentukan status. Di antaranya ialah umur, sifat peribadi, peranan ugama, pelajaran, pekerjaan dan kekayaan. Bukan satu faktur sahaja yang menentukan status seseorang itu, tetapi lazimnya ditentukan oleh penumpuan atau pengaruh beberapa faktur.⁽¹²⁾

Seseorang itu mungkin dihormati atau dipandang tinggi kerana kelebihannya berkaitan dengan perkara-perkara di atas. Tetapi ada juga perkara lain yang menyebabkan ianya tidak dihormati atau yang boleh merosakkan statusnya umpsamanya sompong, pemarah, kedekut dan sebagainya. Mungkin ianya hanya ditakuti, tetapi tidak dihormati oleh masyarakat kampung.

Mengikut Weber pula;

"Status is every typical component in the same life facts of men that is determined by a specific, positive or negative social estimation of honour."⁽¹³⁾

Tidak seperti kelas, status diumpamakan oleh Weber sebagai komuniti. Weber juga percaya bahawa individu mempunyai kelas yang sama dan tidak ada perbezaan kelas. Sementara status wujud dari mereka yang mempunyai kelas yang berlainan.

(12) S. Husin Ali, "Masyarakat dan Kepimpinan Kampung di Malaysia" Fajar Bakti Sdn Bhd. Kuala Lumpur. 1977 - M. Surat 109.

(13) Hans Girth & C. Wright Mills(ed.); From Max Weber; essays in Sociology, N. York Oxford University Press 1946 - M. Surat 180

2.5 Konsep Leadership

Leadership atau pemimpin biasanya didasarkan kepada mereka yang mempunyai kebolehan untuk mengendalikan sesuatu pertubuhan atau persatuan. Konsep ini juga perlu diterangkan kerana ianya mempunyai kaitan di dalam kajian ini.

Pemimpin biasanya merupakan seseorang yang boleh mempengaruhi orang lain supaya menurutinya. Gouldner dalam bukunya 'Studies in Leadership' menunjukkan bagaimana ahli-ahli sosiologi menggunakan istilah pemimpin itu iaitu mereka yang dianggap tinggi dari segi pencapaian atas dasar sesuatu matlamat, orang yang mempunyai status yang tinggi dan diiktiraf oleh kumpulannya yang menjalankan aktiviti yang serupa serta orang yang boleh mempengaruhi perlakuan orang lain di samping mendapat sokongan dari masyarakat.⁽¹⁴⁾

Seseorang yang boleh atau layak menjadi pemimpin pula mestilah mempunyai sifat-sifat positif yang boleh menjadikan ianya di-taati dan dihormati serta disegani oleh semua. Sementara orang yang dipimpin pula menerima hak pimpinannya untuk mempengaruhi bentuk ataupun arah perlakuan mereka, maka ini bererti pemimpin juga bukan sahaja mencapai kuasa, bahkan mempunyai kuasa yang sah atau 'kuatkuasa'. Pemegang kuasa pula mempunyai sumber-sumber tertentu untuk menyuruh orang lain membuat sesuatu mengikut kemahuannya. Sumber-sumber itu biasanya timbul dari hubungan sosial dan kedudukan individu dalam masyarakat atau kelompok.

John Rex menganggap kuasa sebagai suatu dimensi yang amat

(14) Gouldner, A. W. "Studies in Leadership", New York 1965 -
M. Surat 15

penting yang ada pada pemimpin dalam situasi hubungan ras, terutama di kalangan masyarakat kolonial, di mana golongan tertentu mempunyai kuasa dan menggunakannya untuk menguasai golongan-golongan yang lain. Rex mengesyorkan supaya kuasa di anggap sebagai satu konsep 'zero-sum', kerana dalam konteks hubungan kaum, makin banyak kuasa diperolehi oleh satu golongan, maka makin sedikit kuasa yang ditinggalkan bagi golongan yang lain.

Jadi kuasa boleh di anggap sebagai sumber kelas pemerintah. Walaupun dilihat dari segi apapun, kuasa adalah suatu dimensi yang penting dalam kehidupan sosial. Jarang sekali dapat kita temui hubungan sosial yang tidak melibatkan unsur-unsur kuasa pada masa sekarang. Pada hal kuasa adalah satu dimensi yang penting dalam stratifikasi sosial yang melibatkan ketidaksamaan sosial.

Konsep kuasa di atas biasanya wujud pada pemimpin zaman moden. Tetapi di dalam masyarakat tradisional, seseorang pemimpin itu biasanya dikaitkan dengan konsep kewibawaan di mana ianya merupakan kuasa yang telah disah dan di institusikan dalam sesuatu masyarakat atau sistem sosial. Bentuk kuasa ini dikaitkan dengan status sosial dan dianggap sebagai wajar dan sah oleh anggota sesuatu masyarakat. Unsur yang diberi perhatian dalam kewibawaan merupakan unsur yang tidak dapat dipisahkan dari sesuatu status. Ia juga tidak bergantung kepada sifat peribadi pemegang status itu.

Max Weber membezakan tiga jenis kewibawaan; yang bercorak tradisi yang berdasarkan karisma dan rasional.

Karisma ialah satu jenis peribadi seseorang individu yang seolah-olah mempunyai kebolehan dan kuasa yang luar biasa. Ianya merupakan kebolehan memimpin dengan bersandarkan kepada personaliti tanpa sebarang dorongan kebendaan atau paksaan.

Perubahan pimpinan yang bersifat karisma kepada bentuk yang

lebih berinstitusi dan lebih kekal dikenali sebagai 'routinization'. Proses ini berlaku apabila terbentuknya jentera pentadbiran serta institusi-institusi lain untuk mengelolakan hal ehwal sesuatu kelompok itu. Proses routinization juga berkaitan dengan asas-asas kebendaan sesuatu masyarakat.

Dalam proses 'routinazation' idea-idea yang dimajukan oleh pemimpin yang bersifat karisma juga mengalami perubahan. Idea-idea yang bertentangan dengan, atau yang tidak memenuhi keperluan kebenadaan pengikutnya ditinggalkan sedangkan idea-idea yang di anggap sesuai dijadikan teori, dogma, tradisi atau peraturan. Hubungan antara pemimpin dengan pengikut-pengikutnya bukan lagi berasaskan kepada kepercayaan terhadap satu kuasa luar biasa tetapi kepercayaan terhadap kewibawaan yang diperkuatkan oleh tradisi.

2.5 Konsep Kekeluargaan/Kekerabatan

Konsep kekeluargaan atau kekerabatan ini juga penting di ketahui kerana untuk memudahkan kita memahami corak pemilikan tanah yang di kuasai oleh struktur keluarga di peringkat awal pembukaan kampung yang dikaji. Pengkaji akan menerangkan struktur pemilikan tanah oleh ahli keluarga apabila membincangkan dalam bab yang berkaitan dengannya nanti. Oleh itu untuk mengelakkan kekeliruan eloklah pengkaji menerangkan terlebih dahulu apakah yang dimaksudkan dengan kekeluargaan atau kekerabatan.

Kekerabatan ialah ikatan yang timbul hasil dari perhubungan darah atau persemedaan ahli-ahli di dalam sesuatu keluarga di mana mereka yang ada hubungan di antara satu sama lain melalui:-

- i) Hubungan darah tulin atau anggapan adanya hubungan darah
- ii) Hubungan persemedaan iaitu melalui perkahwinan.

Hubungan biologi tidak dipentingkan dalam kekeluargaan ini tetapi hubungan sosial. Mengikut Robin Fox;

"Kinship is simply relation between kin i. e. by real, putative or fictive consanguinity". (15)

Sistem kekeluargaan dan kekerabatan adalah sesuatu yang universal terdapat di dalam masyarakat manusia, baik masyarakat yang kompleks maupun masyarakat simple.

Pendek kata sesuatu keluarga itu akan wujud jurang sosial di mana terdapat di dalamnya obligasi sosial, peranan serta tanggung-jawab yang berdasarkan pada status dalam masyarakat.

Hubungan darah adalah datangnya dari keturunan, jadi keturunan lah yang menentukan keanggotaan seseorang itu dalam sesuatu keluarga.

Keluarga pula adalah merupakan sekumpulan individu yang dihubungkan dengan pertalian darah dan mengujudkan satu sistem sosial di mana struktur berasaskan keperluan keluarga memenuhi 'basic societal function' dan merupakan fungsi-fungsi yang harus diperolehi di dalam sesuatu masyarakat itu jika ia hendak terus kekal. Rivers menerangkan atau memberikan definisi keturunan sebagai;

" as a membership of sosial group of their mother or father and this distinguished succession as transmission of rank or from inheritance as transmission of property" (16)

Beliau menegaskan bahawa keturunan sebagai keanggotaan seseorang ke dalam satu kumpulan sosial ibu atau bapa. Ini terbukti sebagai satu saluran mewarisi harta.

(15) Robin Fox; "Kinship and Marriage" A Pelican Origin. 1976
M. Surat 33.

(16) L. Mair; "Introduction to Social Anthropology", Oxford University Press 1968 - M. Surat 26

Secara ringkasnya kekerabatan dapat ditakrifkan sebagai ikatan darah dan perkahwinan atau lebih tepat lagi sistem ikatan sosial yang berdasarkan pengakuan terhadap pertalian salasilah yakni hasil dari pada perhubungan jantina yang sah dalam proses melahirkan anak.

Lain-lain kumpulan yang bercorak ekonomi atau politik biasanya bergantung pada pertalian kerabat bagi menambahkan lagi kesan perpaduannya, dan dari pertalian kerabat itu timbulah nilai-nilai moral yang bersifat tegas.

Setelah mengetahui segala konsep-konsep penting yang terdapat dalam kajian ini, maka mudahlah bagi kita memahami tentang penggunaan istilah-istilah tersebut di dalam bab-bab yang akan datang.

Terdapat di sini sebahagian besar makalah mengenai bahasan yang belum lagi diberi makalah singkat. Makalah-makalah yang belum diberi makalah singkat ini adalah sebagai berikut:

Bab I: Sejarah Masyarakat Melayu, Bab II: Masyarakat Melayu, Bab III: Perkembangan Masyarakat.

Dipertimbangkan pada makalah-makalah yang belum diberi makalah singkat ini dan berdasarkan hal-hal berikut di dalamnya:

1. Pentakut atau pentakut merupakan keadaan miskin. Miskin ialah makalah yang belum diberi makalah singkat pada kawasan Aceh yang seluruh daerah Aceh termasuk dalam makalah pentakut.

2. Karyadi adalah nama juga terdapat di kawasan Pentakut. Tidak diketahui apa adakah karya dan pengaruh dan bersejarah ditulis. Nama-kata ini merupakan makalah singkat, entah apa dan sebagi yang dimaksud makalah tersebut perlu ditulis.

3. Terdapat sebutan yang dikenali dengan nama Kangong yang merupakan makalah yang belum diberi makalah singkat ini dengan Kangong Terdakung Pribadi di Universiti Islam Negeri Syarif Hidayah.

BAB III

LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN

3.1 Kedudukan Geografi

Kampung Parit Bilal merupakan satu kawasan luar bandar yang terletak lebih kurang tiga batu dari bandar Batu Pahat⁽¹⁷⁾. Di tengah-tengah kampung ini merentang sebatang jalanraya dari bandar Batu Pahat ke bandar Yong Peng (satu bandar lain di kawasan daerah Batu Pahat) Oleh kerana kedudukan jalanraya yang seolah-olah membahagikan kampung ini kepada dua bahagian maka dari segi pengangkutan, ia adalah sangat mudah.

Batu Pahat adalah salah satu daripada lapan buah daerah yang terdapat di negeri Johor. Daerah adalah merupakan kawasan yang lebih kecil dalam sesebuah negeri. Daerah-daerah yang terdapat dalam negeri Johor ialah Johor Bahru, Kluang, Kota Tinggi, Mersing, Muar, Pontian dan Segamat.

Sepertimana yang kita ketahui, negeri Johor terletak di bahagian Selatan Semenanjung Malaysia dan bandar Batu Pahat terletak di bahagian Pantai Barat yang mengadap ke Selat Melaka. Oleh kerana kedudukannya yang begini, menjadikannya satu kawasan tanah yang subur dan banyak terdapat kemudahan dari segi pengangkutan.

Ciri yang sama juga terdapat di kampung Parit Bilal. Tanah di kawasan ini adalah tanah gambut dan berwarna hitam. Sebab itu ia sesuai untuk tanaman getah, kelapa dan sagu yang merupakan tanaman utama penduduk.

Terdapat sebatang sungai iaitu Sungai Simpang Kanan yang memisahkan kampung Parit Bilal ini dengan Kampung Tongkang Pechah di bahagian Utaranya. Kedua-dua kampung ini dihubungkan oleh sebatang jam-

jambatan sepanjang suku batu, yang boleh digunakan bagi kemudahan pengangkutan.

Kampung ini mempunyai keluasan lebih kurang 1,505 ekar. Ia termasuk dalam katogeri kampung tradisional atau pertanian kerana kegiatan utama penduduk di situ adalah bertani walaupun kegiatan sudah agak berkurangan sekarang.

Dari segi geografinya Kampung Parit Bilal ini merupakan satu kawasan yang elok. Terdapat banyak saliran yang baik dan kemudahan dari segi pengangkutan.

Di samping itu juga terdapat sebuah tasik di bahagian Selatan kampung ini. Ianya merupakan bekas lombong boksait semasa pemerintahan Inggeris dahulu. Dan sekarang tasik ini menjadi pusat rekreasi atau berihat bagi penduduk dari dalam kampung dan juga dari kawasan-kawasan lain. Luas kawasannya lebih kurang satu batu persegi, dan ianya dinamakan Tasik Merdeka. Di tasik ini juga sering diadakan sukan laut di waktu-waktu perayaan terutama ketika menyambut Hari Merdeka.

Walaupun tidak terdapat pemisahan dari segi geografinya, tetapi dari segi sosialnya ia sama seperti kebanyakan penduduk kampung lain. Penduduk di Kampung Parit Bilal dari segi sosial juga terbahagi kepada dua bahagian iaitu di sebelah Utara dikatakan 'orang laut' dan di sebelah Selatan dikatakan 'orang darat'. Keadaan ini merupakan satu unit sosial yang asas untuk membezakan kawasan tempat tinggal seseorang selain daripada kedudukan ekonomi dan kekeluargaan seseorang.

Sebenarnya Kampung Parit Bilal ini terdiri dari empat buah kampung iaitu Parit Bilal sendiri, Parit Ahmad, Parit Elahi dan Parit Sa'aban. Di sini 'Parit' mempunyai erti sendiri dan telah digunakan sebagai sempadan dalam pembentukan sesebuah kampung. Sungguhpun begitu ianya telah digabungkan di bawah satu unit pentadbiran sahaja.

3.2 Sejarah Kampung

Keadaan sosio-ekonomi di Kampung Parit Bilal, seperti mana yang ada sekarang telah bermula lebih kurang seratus tahun Jalu mengikut sejarah. Namun begitu sejarah sebenar kampung serta tarikh tepat tentang kedatangan pengasas kampung ini tidaklah dapat dikesan dengan jelas oleh pengkaji.

Pada mulanya Parit Bilal ini tidaklah seluas yang ada sekarang. Kawasannya hanya lebih kurang lapan puluh ekar sahaja dibuka oleh empat orang pengasas kampung ini (akan dibincangkan). Walau bagaimanapun dari masa kesemasa keluasannya bertambah sehingga meningkat kepada 1,505 ekar.

Adalah dipercayai bahawa orang yang mula-mula datang ke kampung ini bernama Abdul Ghani bin Ribut (lebih kurang 100 tahun dahulu). Beliau berasal dari Endau. Menurut sejarah orang-orang dari Endau ini adalah orang Banjar Melayu yang berasal dari Banjarmasin, Kalimantan Selatan.

Pada mulanya kawasan Parit Bilal dipenuhi dengan hutan. Dengan tenaga yang ada, Abdul Ghani telah berjaya menjadi parit sepanjang 60 rantai dan membuka kebun seluas 30 ekar secara perlahan-lahan. Cara orang-orang pada masa itu untuk mendapatkan tanah ialah dengan menebang menebas hutan dan keluasan tanah yang akan dimiliki bergantung kepada kejayaan seseorang untuk membuka seberapa luas tanah yang terdaya olehnya. Kekuatan dan kerajinan seseorang dengan bantuan anak isteri dan saudara mara menyebabkan sesuatu keluarga itu memperolehi kawasan yang luas.

Sebelum kedatangan keluarga Abdul Ghani ke kampung ini, kawasan tersebut merupakan kawasan hutan yang belum pernah didiami orang, cuma kawasan laluan melalui Sungai Simpang Kiri untuk pengangkutan. Tetapi setelah ianya dibuka secara perlahan-lahan ia mulai menjadi tempat per singgahan dan akhirnya berkembang menjadi kawasan penempatan.

Melalui proses penghijrahan dan perkahwinan maka kawasan yang baru

dibuka itu bertambah meluas dan akhirnya Abdul Ghani dilantik menjadi Bilal masjid di kampung tersebut. Di masjid inilah penduduk kampung berkumpul untuk menunaikan sembahyang dengan berbilalkan Abdul Ghani tersebut. Lama kelamaan beliau terkenal dengan panggilan Bilal Abdul Ghani. Disebabkan beliau terkenal di kalangan penduduk serta dihormati ramai, maka kampung itu telah digelar Kampung Parit Bilal. Apabila Bilal Ghani ini meninggal, maka kampung ini telah kekal dengan nama yang diberikan dan menurut sejarah dari sinilah Kampung Parit Bilal ini mendapat namanya 100 tahun yang lalu.

Orang yang kedua datang ke Parit Bilal ini selepas kedatangan Bilal Ghani ini, ialah Dato Sa'aban. Beliau juga telah sama-sama menggali parit sepanjang 80 rantai untuk menentukan sempadan kawasan nya. Beliau telah membuka kebun seluas 30 ekar. Disebabkan adanya pertalian yang rapat di antara Dato Sa'aban dengan Bilal Ghani maka beliau dilantik sebagai Naib di kampung tersebut. Dengan kuasa yang ada, beliau juga telah berjaya mendapatkan tanah rezab kepunyaan Bilal Ghani dan perkara ini telah mencetuskan sedikit perselisihan di kalangan kedua keluarga ini sedikit masa dahulu.

Kedudukan kawasan yang dibuka oleh Dato Sa'aban ialah di sebelah Barat Kampung Parit Bilal dan kawasan ini dinamakan kawasan Parit Sa'aban.

Begitu juga halnya yang berlaku dengan dua buah kawasan yang lain ia itu Encik Ahmad telah menggali parit sepanjang 60 rantai dan membuka kebun seluas 20 ekar dengan diberi nama Parit Ahamd. Dan satu kawasan lagi telah dibuka oleh Encik Jorak yang menggali parit sepanjang 40 rantai dan membuka kebun seluas 10 ekar sahaja pada masa itu dan diberi nama kawasan Parit Jorak.

Walau bagaimanapun kawasan kampung-kampung tersebut semakin bertambah dari masa kesemasa sehingga menjadikannya satu kawasan perkampungan

seluas 1,505 yang ada sekarang.

* JADUAL 3.1 PEMBUKAAN TANAH OLEH PENGASAS-PENGASAS KAMPUNG PARIT BILAL.

NAMA	PANJANG SEMPADAN PARIT YANG DIGALI	KELUASAN TANAH YANG DIBUKA	NAMA KAWASAN YANG DIBUKA
1. Ghani b. Ribut	80 rantai	30 ekar	Kg. Parit Bilal
2. Dato Sa'aban	80 rantai	20 ekar	Kaw. Parit Sa'aban
3. Encik Ahmad	60 rantai	20 ekar	Kaw. Parit Ahmad
4. Encik Jorak	40 rantai	10 ekar	Kaw. Parit Jorak
Jumlah	260 rantai	80 ekar	

Mereka di ataslah yang merupakan pengasas kepada pembukaan tanah di Kampung Parit Bilal ini. Walaupun pada asasnya jumlah kluasan hanya 80 ekar sahaja tetapi dengan pertolongan sanak saudara kluasannya telah bertambah.

Dari apa yang diketahui oleh pengkaji keempat-empat pengasas ini tidak mempunyai apa-apa hubungan kekeluargaan dan masing-masing datang dari tempat yang berlainan. Apabila mereka meninggal, anak cucu mereka telah menguasai atau mewarisi sebahagian besar dari kawasan tanah yang mereka buka. Dan ada pula di antara mereka ini telah menjualkan tanah bahagian mereka dantinggal di luar kawasan kampung ini.

Apabila penduduk kampung ini bertambah secara perlahan-lahan, perubahan juga turut berlaku dari berbagai segi. Pada mulanya tidak ada sekolah di kawasan kampung ini. Mereka yang berkemampuan akan dihantar bersekolah di bandar Penggaram. Jadi tidak ramai yang dapat

* Sumber dari Abdul Kadir b. Isa (cucu Bilal Ghani b. Ribut) dan Hussin b. Abd. Salam (menantu kepada Bilal Ghani)

peluang untuk belajar. Tambahan pula di bawah sistem pelajaran yang ada di Malaysia, sekoalh yang menyediakan peluang-peluang yang baik adalah sekolah Inggeris yang terletak di kawasan bandar. Keadaan ini menyulitkan lagi untuk mereka ke sekoalh di samping bayaran yang mahal.

Jadi kebanyakan daripada anak-anak kampung ketiak itu belajar di sekolah-sekolah pondok dan lebih menumpukan perhatian kepada pelajaran ugama daripada ilmu sekular.

Walau bagaimanapun sekarang telah terdapat dua buah sekolah di kampung ini. Sebuah Sekolah Rendah Parit Bilal yang dibina pada tahun 1955 dan sebuah Sekolah Ugama yang dibina pada tahun 1974. Dari kedua-dua buah sekolah inilah orang-orang kampung menghantar anak mereka untuk mendapatkan pelajaran asas.

Walaupun dari segi geografinya Kampung Parit Bilal ini terbahagi kepada empat kawasan bersempadan parit-parit, tetapi dari segi sosialnya penduduk di kampung ini mempunyai pertalian atau perhubungan yang rapat dan berinteraksi antara satu sama lain. Mereka terdiri dari golongan etnik yang sama dan mempunyai warisan kebudayaan yang serupa dan menganuti ugama yang serupa, di mana ianya mempunayi unsur-unsur yang membolehkannya dianggap sebagai sebuah komuniti.

3.3 Pentadbiran dan Corak Pimpinan Tradisional


Di dalam bab II pengkaji telah menerangkan tentang definisi pimpinan dan pemimpin. Dan di dalam bab III ini kita akan terus membincangkan tentang corak pentadbiran dan pimpinan yang wujud di kampung ini.

Kampung Parit Bilal merupakan satu kawasan kecil yang terletak di dalam Mukim V, dalam daerah Batu Pahat, di negeri Johor. Mukim merupakan unit yang lebih kecil di mana satu-satu daerah itu dibahagikan.

JADUAL 3.2 KETURUNAN ABDUL GHANI B. RIBUT (SAHAJA) YANG MASIH

MENGUASAI SEBILANGAN TANAH DI KAMPUNG

PARIT BILAL



O = perempuan

Δ = Lelaki

* = masih menguasai sebahagian tanah di kampung

* = telah meninggalkan kampung

Sumber: Dari data kajian

Ia juga merupakan yunit pentadbiran yang terkecil sekali. Sebenarnya Mukim ini dibentuk oleh kerajaan sebagai satu yunit pentadbiran terutama sekali untuk pentadbiran tanah di bidang pendaftaran milik dan pemungutan hasil. Menurut sejarah tidak ada sebarang sempadan sebarang sempadan tertentu di dalam pembentukkan mukim ini dan kadang-kadang sempadannya menembusi kampung-kampung dan sungai-sungai.(18)

Ketua mukim biasanya digelar Penghulu. Penghulu mempunyai tugas yang besar terhadap penduduk kampung yang dianggap sebagai anak buahnya. Beliau memainkan peranan penting sebagai wakil kerajaan dan juga peranan tradisional sebagai ketua. Satu masa dahulu jawatan Penghulu ini dipegang secara turun temurun dari bapa kepada anak. Kecuali apabila ia tidak mempunyai anak lelaki barulah jawatan itu diserahkan kepada orang yang lebih rapat dengannya seperti kepada adiknya atau anak saudaranya. Dalam proses pemilikkan ini biasanya yang menentukan siapa yang layak menjadi Penghulu atau Ketua kampung terdiri dari orang tua-tua yang dihormati yang memainkan peranan penting dalam pentadbiran kampung seperti Imam, Tok Guru dan lai-lain. Setelah itu barulah disahkan oleh Sultan dengan pemberian surat tauliah sebagai bukti pengesahan perlantikan tersebut.

Keadaan yang sama berlaku di Kampung Parit Bilal di mana 'Naib Ketua Kampung' dianggap sebagai ketua di kawasan itu. Pemilihannya juga ditentukan oleh orang-orang tua kampung dengan persetujuan dari penduduk kampung. 'Naib' yang dilantik seolahnya mestilah terdiri dari anak tempatan yang dianggap lebih mengetahui tentang selok belok keadaan kampung. Sebagai contoh, Naib yang pertama dilantik di Kampung Parit Bilal ini ialah Dato Sa'aban, salah seorang pengasas kampung ini. Seperti yang telah diterangkan dahulu, walaupun kampung ini terdiri dari empat buah kawasan, tetapi ia bersatu di bawah satu pentadbiran jawatan kuasa kampung. Dari itu kita dapati Dato Sa'aban ini berkuasa ke atas keempat-empat kawasan tersebut.

Tugas Naib adalah penting dalam menjaga keselamatan dan ketenteraman

di kampung, terutamanya dalam menyelesaikan masaalah yang timbul di kalangan penduduk. Ini adalah kerana beliau merupakan orang yang terdekat dengan masyarakat dan paling mudah dihubungi jika dibandingkan dengan pegawai kerajaan yang lain seperti pegawai Daerah (D. O.) atau ketua kampung.

Di Kampung Parit Bilal ini Naib bertindak sebagai Penghulu di kawasan lain. Naib menjalankan tugas yang biasa dilakukan oleh penghulu. Dan ia mendapat elauan atau saguhati dari kerajaan Negeri Johor di atas khidmat yang dilakukannya. Melalui Naib ketua kampung inilah kerajaan dapat melaksanakan rancangannya untuk membantu masyarakat kampung; di mana Naib bertanggungjawab untuk menjayakan rancangan tersebut.

Namun begitu Naib ini kadangkala salah menggunakan kuasa yang ada padanya. Contohnya terdapat satu kes di mana kerajaan Negeri Johor telah memberiakn sejumlah 60,000 ringgit sebagai peruntukan untuk membina masjid baru bagi menggantikan masjid yang lama, di atas permintaan penduduk kampung memandangkan masjid lama itu telah terlalu usang untuk digunakan dan merbahaya bagi keselamatan orang kampung. Tetapi wang yang diterima itu tidak digunakan untuk maksud tersebut. Keadaan tersebut berlarutan sehingga memakan masa dua puluh tahun dan akhirnya jawatan kuasa masjid terpaksa memungut wang secara meminta derma dari orang kampung untuk kegunaan bagi membina masjid baru. Walaupun penduduk kampung mengetahui tentang perkara tersebut (peruntukan wang tadi) namun mereka tidak memberontak atau menentang Naib tersebut kerana menghormati kuasa yang ada padanya. Sebaliknya mereka telah menggunakan cara damai walaupun terdapat satu dua yang menentang, tetapi ianya tidak ketara. Keadaan ini mungkin disebabkan orang-orang tua kampung tidak sukaan pecah-belah dan mementingkan perdamaian dan ikatan persaudaraan yang kukuh. Peristiwa tersebut terus berlalu sehingga jawatan Naib dipindahkan kepada orang lain tanpa wujudnya apa-apa konflik di kalangan masyarakat. Walaupun masih ada

lagi di antara penduduk kampung yang masih mengingati perkara tersebut.

Ini adalah kerana mereka menganggap Naib tersebut telah banyak berjasa dan merupakan tempat mereka meminta pertolongan dan mengadu hal. Naib boleh menjadi penjamin apabila berlaku misalnya hutang-piutang dan penjualan tanah di antara keluarga yang tidak memerlukan pertukaran nama dalam geran tanah.

Selain dari itu Naib juga mengawasi setiap pergerakan keluar masuk penduduk kampung dan mereka yang ingin bermastautin di kampung mestilah mendapat kebenaran darinya, kemudian barulah boleh dianggap sebagai masyarakat kampung tersebut.

Penduduk

Telah dijelaskan bahawa keluasan kampung Parit Bilal ini ialah 1,505 ekar. Ia terdiri dari empat buah kawasan seperti yang telah dibincangkan. Dan apabila pengkaji menyebut tentang kampung Parit Bilal bererti ianya termasuk juga tiga buah kawasan lain iaitu Parit Ahmad, Parit Sa'aban dan Parit Jorak Elahi. Ini adalah kerana keempat-empat kawasan tersebut bergabung di bawah satu pentadbiran Naib dan jawatan-kuasa kemajuan dan keselamatan kampung. Ahli-ahli ini dipilih dari orang di setiap kampung tersebut supaya setiap kali mesyuarat diadakan, setiap jawatankuasa akan mengemukakan masaalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasannya.

3.5

Bilangan penduduk bagi satu-satu kaum di Kampung Parit Bilal

Dari jadual 3.3 kita dapati jumlah penduduk di kawasan Parit Bilal ialah 2,904 orang. Penduduk di kampung ini terdiri dari tiga kaum terbesar iaitu Melayu, Cina dan India. Orang-orang Melayu terdiri dari 1,611 orang, Cina 1,280 orang dan hanya 7 orang India sahaja. Jika dilihat dari segi peratus penduduk, orang-orang Cina adalah 44.28% dan hampir menyamai bilangan penduduk-penduduk Melayu iaitu 54.48%, cuma

**JADUAL 3.3 BILANGAN PENDUDUK BAGI SATU-SATU KAUM
DI KAMPUNG PARIT BILAL**

KAWASAN \ KAUM	MELAYU	CINA	INDIA	JUMLAH PENDUDUK	PERATUS (%)
1. Parit Bilal	618	156	-	774	26.45
2. Parit Jorak	322	119	7	448	15.43
3. Parit Ahmad	422	1011	-	1433	49.35
4. Parit Sa'aban	249	-	-	249	8.57
Jumlah	1611	1286	7	2904	100%

lebih 11.2% sahaja. Kebanyakan orang Cina ini tinggal di kawasan Parit Ahmd dan bilangan mereka adalah 1,011 orang, berbanding dengan orang Melayu cuma 422 orang dari jumlah penduduk seramai 1,433 orang. Keadaan ini disebabkan adanya kemasukan bangsa Cina yang ramai di awal tahun 1970an ke kawasan ini. Pada mulanya mereka hanya bekerja di kilang-kilang, tetapi akhirnya telah menetap di kawasan tersebut dengan cara membeli tanah daripada penduduk di kawasan itu.

Dari jadual 3.3 kita dapati jumlah penduduk keempat-empat kawasan tersebut ialah Parit Bilal sahaja 774 orang (26.46%), Parit Jorak 448 orang (15.43%), Parit Ahmad 1433 orang (49.35%) dan Parit Sa'aban 249 orang (8.57%) dari jumlah 2,904 orang. Satu perkara yang menarik ialah tidak terdapat ramai bangsa India yang tinggal di kampung ini. Mereka hanya terdiri dari 2 buah keluarga (jadual 3.4) yang pada asasnya berniaga dan membuka kedai di kawasan Parit Jorak. Bilangan mereka hanya 7 orang iaitu hanya 0.23%.

Sementara bilangan penduduk yang terkecil sekali ialah di kawasan Parit Sa'aban. Ini disebabkan di kawasan ini hanya terdiri dari penduduk Melayu sahaja iaitu 8.57%.

3.6

Jumlah keluarga bagi tiap-tiap kaum di tiap-tiap kawasan kampung

Dalam jadual 3.4 ini pula kita dapati pada keseluruhannya terdapat 547 buah keluarga. Dari jumlah ini, 194 buah keluarga atau 35.47% tinggal di sekitar kawasan Parit Bilal sahaja iaitu 155 buah keluarga Melayu dan 39 buah keluarga Cina. Dan dari 85 buah keluarga di Parit Jorak, 59 buah adalah keluarga Melayu, 24 buah keluarga Cina dan 2 buah keluarga India. Hanya 42 buah keluarga Melayu di kawasan Parit Sa'aban. Keadaan sebaliknya terdapat di kawasan Parit Ahmad di mana dari 226 buah keluarga, 66.37% atau 150 buah terdiri dari keluarga Cina dan hanya 76 keluarga atau 33.63% sahaja keluarga Melayu.

JADUAL 3.4 JUMLAH KELUARGA BAGI TIAP-TIAP KAUM DI TIAP-TIAP
KAWASAN KAMPUNG PARIT BILAL

KAWASAN \ KAUM	MELAYU	CINA	INDIA	JUMLAH	PERATUS %
1. Parit Bilal	155	39	-	194	35.47
2. Parit Jorak	59	24	2	85	15.54
3. Parit Ahmad	76	150	-	226	41.32
4. Parit Sa'aban	42	-	-	42	7.67
Jumlah	332	213	2	547	100%

Dari data 3.3 dan 3.4 bolehlah kita katakan bahawa taburan penduduk di kampung Parit Bilal ini tidak sekata, begitu juga dengan taburan bangsa yang ada. Di mana di satu-satu kawasan itu lebih ramai bangsa Melayu dan di kawasan yang lain seperti di kawasan Parit Ahmad lebih ramai bangsa Cina dari lain-lain bangsa.

3.7 Taburan Umur Ketua Keluarga Dan Seluruh Keluarga yang dikaji

Jadual 3.5 pula menunjukkan taburan umur ketua keluarga dan seluruh anggota keluarga yang dikaji dari 100 buah rumah tangga yang. Data ini menunjukkan dengan jelas jumlah anggota keluarga yang masih tinggal dan menetap di kampung dan juga mereka yang tinggal di luar kampung, atas sebab-sebab tertentu.

Dari 100 buah keluarga tersebut, penduduknya adalah sejumlah 704 orang. 586 orang darinya masih tinggal di kampung (83.3%) dan 118 orang tinggal di luar kampung.

Jika diteliti dari sejarah pengasas kampung yang dahulu, maka didapati bahawa, kebanyakannya mereka yang tinggal di kampung ini adalah dalam jenerasi ketiga dan keempat dari keturunan pengasas kampung, selain dari pendatang baru ke kampung ini. Sebab itulah dari data 3.5 menunjukkan penduduk kampung Parit Bilal ini terdiri dari orang muda yang berumur bawah 20 tahun. Bilangan mereka ialah 300 orang iaitu 42.61%. Sementara mereka yang berumur kurang dari 30 tahun ialah 470 orang atau 66.75%.

Sejumlah 586 orang penduduk yang tinggal di dalam kampung, 278 orang adalah lelaki dan 308 orang perempuan. Ini bermakna dari sejumlah 83.3% penduduk yang tinggal di dalam kampung, 39.5% adalah lelaki dan 43.8% adalah perempuan di mana perempuan melebihi 4.3% dari jumlah lelaki.

Sementara itu dari jumlah 118 orang penduduk kampung yang tinggal di

JADUAL 3.5 TABURAN UMUR KETUA KELUARGA DAN SELURUH ANGGOTA
KELUARGA YANG DIKAJI

	BAWAH 20 (TAHUN)	21-25		26-30		31-35		36-40		41-45		46-50		51-60		61-70		71 DAN LEBIH		BIL ORG.	PERATUS			
		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P					
KANG TINGGAL DI KAMPUNG	135	24		26	17	12		15		12		21		13		3		278		39.5				
	141	32		32	27	18		15		17		16		6		4		308		43.8				
																				586	83.3			
KANG TINGGAL DI LUAR KAMPUNG	11	19	8		9	8		3		1		3		1		-		63		8.9				
	13	16	13		6	3		2		2		2		-		-		55		7.8				
																				118	16.7			
JUMLAH	146	154	43	48	34	45	26	31	20	21	18	17	13	19	24	18	14	6	3	4	341	363	704	100%

* SUMBER DARI DATA KAJIAN

luar kampung, 63 orang atau 8.9% adalah lelaki dan 55 orang atau 7.8% adalah perempuan. Mereka yang berumur bawah 30 tahun seramai 80 orang iaitu 38 orang lelaki dan 42 orang perempuan. Kebanyakan dari mereka ini terdiri dari anak-anak yang melanjutkan pelajaran atau bekerja dan tinggal di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Singapura atau bandar-bandar lain di Malaysia. Dari 100 rumah tangga yang dikaji, mereka yang keluar semata-mata untuk melanjutkan pelajaran seramai 32 orang sahaja dan jumlah 504 orang anak mereka (tidak termasuk suami/isteri). Ada juga orang perempuan yang terpaksa mengikut suami mereka dari tinggal menetap di luar kampung. Mereka ini hanya sekali sekala pulang ke kampung bertemu keluarga dan sanak saudara.

Jika dilihat dari jadual 3.5, dari 100 keluarga yang dikaji, bilangan mereka yang berumur 51 tahun ke atas adalah tidak ramai iaitu 70 orang sahaja. Dari jumlah ini, 41 orang adalah orang lelaki. Jika dibandingkan peratus mereka yang tinggal di dalam kampung dengan di luar kampung di peringkat umur ini, amat sedikit sekali orang lelaki yang tinggal di luar kampung iaitu 5.7% atau 4 orang sahaja. Dan 2.85% (2 orang) sahaja perempuan. Kebanyakan mereka ini mengikut anak-anak mereka dan tinggal bersama-sama anak di luar kampung.

Sungguhpun begitu, sebahagian besar dari orang tua di peringkat umur ini yang tinggal di Kampung Parit Bilal ini adalah orang lelaki. Bilangan mereka ialah 37 orang dan perempuan 26 orang. Mereka ini terdiri dari ibu-bapa yang telah tua yang menjalankan aktiviti-aktiviti kampung atau pesara-pesara kerajaan yang menyambung pekerjaan mereka dengan berkebun sayur atau buah-buahan secara kecil-kecilan. Terdapat juga beberapa orang janda yang bergantung hidup pada anak-anak mereka. Di samping itu terdapat juga beberapa orang yang daif tanpa apa-apa mata pencarian yang hidup menumpang dengan keluarga lain.

BAB IV

Seperangkat tulisan berikut bantahan terhadap pemerintah kerabu-

tan di Johor mengenai hak tanah pada orang-orang bukan masyarakat.

TANAH
Dengan begitu, tanah yang sepatutnya perlu di tibaikan masih tetap

4.1 Pendahuluan

Di dalam bab II pengkaji telah menerangkan tentang bertapa perlunya tanah bagi kegunaan manusia, tugas tanah mempunyai kaitan yang rapat dengan manusia dan ianya merupakan sumber pendapatan yang penting bagi kaum tani.

Pendaftaran tentang hak milik tanah telah bertambah apabila undang-undang tanah di negeri Johor telah dikuatkuasakan dalam tahun 1910. Di samping perkara-perkara lain undang-undang ini juga menuntut bahawa tanah yang kurang dari 100 ekar mestilah didaftarkan di atas sekeping geran dalam pendaftaran mukim, dan gerant tersebut mestilah disimpan oleh pemilik tanah tersebut. Sekiranya tanah itu tidak diusahakan atau terbengkali dalam masa 3 tahun, ianya akan menjadi milik kerajaan. Peraturan ini dibuat untuk mengelakkan tanah dari terbiar tanpa mengeluarkan apa-apa hasil. Tetapi di atas beberapa keadaan tertentu, ada di antara tanah tersebut terkecuali dari keadaan di atas. Dalam keadaan ini, tanah yang terkecuali tadi mestilah di pertimbangkan untuk kegunaan pertanian dan $\frac{1}{4}$ daripadanya mestilah diusahakan.

Ada kalanya tanah kepunyaan seseorang itu diperlukan untuk kegunaan bagi urusan kerajaan. Di sinilah kadangkala kerajaan terpaksa membayar sejumlah besar wang kepada pemilik tanah tersebut supaya menyerahkan tanah mereka.

4.2 Cara Pemilikan Tanah

Di dalam bab yang berikutnya akan kita tinjau pula bagaimanakah cara atau corak pemilikan tanah penduduk kampung Parit Bilal.

Sepertimana yang kita ketahui bahawa terdapat cara-cara tertentu di mana seseorang ahli keluarga itu mengumpulkan tanah milik mereka. Namun begitu, tanah yang mereka perolehi itu bukanlah melalui satu cara sahaja, malah melalui, berbagai-bagai cara yang akan dijelaskan nanti.

Melalui maklumat yang diperolehi pengkaji, terdapat beberapa cara yang selalu diamalkan oleh penduduk Kampung Parit Bilal ini dalam memiliki tanah. Di antaranya ialah melalui Teroka, pusaka, hadiah atau anugerah dan beli.

Mendapatkan tanah dengan cara Teroka merupakan satu cara lama yang biasa dilakukan oleh orang di masa lampau. Biasanya oleh pengasas kampung atau oleh mereka yang mula-mula datang ke sesuatu kawasan baru yang tidak pernah didiami orang. Dinamakan Teroka kerana mereka yang mula-mula membersihkan kawasan tersebut sebagai samada untuk tempat tinggal atau dijadikan kebun. Biasanya keluasan tanah yang diteroka ini adalah berbeza-beza bergantung kepada keupayaan serta kesanggupan si peneroka. Mereka bebas membuka seluas mana kawasan yang dikehendakki. Jika ia berdaya mengupah orang atau mendapat bantuan dari orang lain, maka luaslah kawasan tanah yang dimiliki dan sebaliknya. Kesan dari sinilah sesuatu keluarga itu kaya tanah dan terjadinya pengagihan yang tidak samarata. Mereka yang tidak berpeluang meneroka akan menggunakan cara lain untuk mendapatkan tanah.

Cara kedua ialah melalui pusaka. Ia merupakan penurunan pemilikan umpananya dari ibu/bapa kepada anak-anak mereka. Jika dilihat dari zahirnya cara ini merupakan satu cara yang paling mudah untuk mendapatkan tanah. Biasanya bagi umat Islam ianya dibahagi mengikut hukum faraid di mana tiap-tiap ahli keluarga itu dibahagikan harta nya mengikut hukum-hukum yang ditentukan dalam Islam. Dan apabila pembahagian mengikut cara ini dijalankan maka sesuatu keluarga itu

tidak boleh menuntut lebih dari apa yang telah dihadkan kepadanya. Dan ini juga merupakan satu cara untuk mengelak dari perselisihan faham di kalangan anggota keluarga. Perselisihan jarang berlaku sekiranya jumlah ekar tanah yang ditinggalkan itu luas dan mudah untuk dibahagikan.

Walau bagaimanapun kesulitan akan timbul di mana tanah yang akan diwarisi ini kecil jumlahnya dan ramai pula mereka yang berhak mendapatkan bahagian masing-masing.

Cara pemilikan melalui pusaka ini menyebabkan pemecahan sebidang tanah kepada bentuk yang lebih kecil. Dan seringkali ia mengakibatkan kepada berlaku penjualan tanah tersebut samada kepada sesama anggota keluarga sendiri atau menyerahkan terus kepada pihak lain supaya mereka lebih mudah membahagikan wang hasil penjualan tanah dari memiliki hanya serantai dua tanah di kampung tersebut. Keadaan seperti inilah yang sering terjadi di Kampung Parit Bilal. Tambahan pula tanah yang kecil tadi tidak mempunyai apa-apa hasil dan tidak diusahakan.

Corak pemilikan tanah seterusnya ialah melalui pemberian, hadiah atau anugerah. Ia hampir menyerupai cara pusaka di atas. Yang berbezanya, cara pusaka seperti di atas berlaku apabila berlakunya kematian sebelum si mati tadi membahagikan hartanya. Tetapi cara pemberian di mana ibu bapa tadi membahagikan tanah kepada anak-anak mereka ketika beliau masih hidup, untuk mengelakkan pergaduhan atau perebutan.

Kedua-dua cara di atas merupakan pemberian oleh seseorang kepada orang lain tanpa dikenakan apa-apa bayaran. Pusaka biasanya jatuh pada ahli keluarga terdekat, tetapi pemberian atau hadiah ini boleh berlaku pada orang lain yang tidak mempunyai apa-apa ikatan dengan orang yang memberi hadiah tersebut.

Tanah jenis ini juga kadangkala dihadiahkan kepada penduduk kampung oleh Sultan atau Kerajaan. Tanah yang dianugerahkan ini juga kadang-kadang

terletak di luar kampung dan dimiliki oleh mereka yang mempunyai syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan. Biasanya tanah ini diusahakan dan dijaga dengan baik oleh penduduk kampung.

Corak pemilikan yang akhir ialah melalui cara beli. Biasanya penduduk di Kampung Parit Bilal membeli tanah secara tunai dengan adanya pertukaran hak milik dan pemecahan nama pada geran-geran tanah. Cara ini biasanya melibatkan Pejabat Tanah Daerah bagi pertukaran hak milik dan pemilikan berlaku secara sah dan diamalkan sehingga sekarang.

Sungguhpun begitu ada juga cara beli yang lain, tetapi ianya kurang terdapat di kalangan penduduk kampung ini. Contohnya seperti beli janji mulut dan beli toal hutang. Cara ini tidak begitu digemari memandangkan kesulitan yang timbul dan tidak ada 'hitam putih' bagi mengesahkan pemilikan seseorang ke atas tanah tersebut. Di mana akhirnya akan menimbulkan krisis di kalangan cucu cicit mereka yang terlibat.

Walau bagaimanapun cara beli tunai ini berlaku secara meluas di kalangan penduduk kampung ini. Terdapat banyak kes di mana telah berlaku timbun tambah ke atas pemilikan tanah.

Responden A:

Seorang bekas guru memiliki tanah secara pusaka seluas empat ekar sahaja pada mulanya. Di atas empat ekar tanah tadi beliau berusaha membina empat buah rumah sewa dan berniaga secara kecil-kecilan. Lama-kelamaan beliau berjaya membeli sepuluh ekar tanah di dalam kampung yang juga disewakan kepada orang lain. Dengan usaha dan kebijaksanaannya beliau akhirnya berjaya mengumpulkan dua puluh lima ekar tanah termasuk sebelas ekar tanah di luar kampung. Kesemuanya dibeli dengan cara beli tunai.

Responden B:

Seorang buruh kerajaan yang berasal dari luar kampung. Pada mulanya menyewa tapak rumah kepunyaian janda beranak dua. Oleh kerana kesesakan maka janda tersebut telah menjualkan tanah tapak rumah itu kepadanya. Keadaan ini menyebabkan keluargabeliau sekeluarga tinggal menetap di kampung tersebut dan menjadi anggota masyarakat kampung.

Dari dua kes di atas dapat kita lihat proses timbun tambah itu berlaku. Proses seperti ini banyak berlaku di Kampung Parit Bilal ini. Dalam kes responden A kita dapat lihat bagaimana beliau menambahkan bilangan atau keluasan tanahnya. Keadaan ini menyebabkan beliau bertambah kaya.

Sementara dalam kes responden B kita dapati sesuatu keluarga asing yang pada mulanya tidak mempunyai tanah telah menjadi anggota masyarakat kampung apabila beliau telah berjaya memiliki tanah tapak rumahnya secara beli tunai. Sebaliknya pula janda tersebut telah kehilangan hak milik terhadap tanah tersebut.

Keadaan di atas di antara contoh-contoh corak pemilikan di kampung ini. Sebab itulah kita dapati mengapa orang yang tidak bertanah itu memperolehi tanah, sedangkan yang pada mulanya bertanah tidak mempunyai tanah di samping berlakunya proses timbun tambah di kalangan masyarakat. Sementara ada pula yang senang dengan hanya menyewa di tanah orang lain.

4.3

Cara Pemilikan Tanah Mengikut Jenis Pengerjaan Tanah

Di awal bab (4.1) telah diterangkan corak atau pola pemilikan tanah di kalangan penduduk kampung Parit Bilal ini di mana ianya terbahagi kepada empat cara iaitu Teroke, pusaka, hadiah dan beli. Namun begitu terdapat juga di antara penduduk yang menggunakan lebih dari satu cara di atas bagi mengumpulkan tanah milik mereka.

Dalam kes kampung Parit Bilal ini, pengkaji dapati di antara 100 orang responden yang ditemui, tidak ada seorangpun di antara mereka yang mendapatkan tanah secara teroka sendiri melainkan dengan cara pusaka, beli atau hadiah atau gabungan antara salah satu daripadanya, atau dengan ketiga-tiga cara sekali.

Melalui jadual 4.1 pula kita akan cuba melihat cara pemilikan tanah tersebut mengikut jenis pengerjaan tanah serta keluasannya sekali.

Setelah mengetahui tentang bilangan penduduk yang bergiat di sektor pertanian dan di luar pertanian, eloklah pula kita melihat cara pemilikan tanah, terutamanya yang diusahakan untuk aktiviti pertanian; tapak rumah dan lain-lain.

Dari jadual 4.1 kita dapati seluas 13.5 ekar tanah kelapa, 5 orang daripadanya memilikinya secara pusaka dan seorang sahaja mendapatkannya dengan cara beli. Begitu juga dengan tanah sagu di mana sejumlah 27 ekar tanah 6 orang mendapatkannya melalui pusaka dan seorang dengan cara membeli. Tanah getah - 7 orang mendapatkannya secara pusaka, seorang beli dan 3 orang dengan cara hadiah. Yang kesemuanya berjumlah 45 ekar tanah.

Sementara itu 3 orang yang berkebun 2 orang darinya memiliki tanah melalui pusaka dan seorang dengan cara hadiah.

Di kalangan mereka yang menjalankan aktiviti pertanian ini, 23 orang ketua keluarga telah membina rumah di atas tanah yang dipusakai, 3 orang telah membeli tanah untuk tapak rumahnya, dan 2 orang lagi mendapatkannya secara hadiah. Kesemua tanah ini sejumlah 37.5 ekar. Dan purata tanah bagi sebuah tapak rumah ialah 1.34 ekar.

Di samping itu terdapat juga tanah kosong yang terbiar yang di miliki oleh 3 buah keluarga, 2 orang memilikinya secara pusaka, dan seorang secara beli.

JADUAL 4.1 CARA PEMILIKAN TANAH MENGIKUT JENIS
PENGERJAAN TANAH

JENIS TANAH	CARA PEMILIKAN	PUSAKA	BELI	TEROKA	HADIAH	JUMLAH	PERATUS (%)	JUMLAH EKAR	PERATUS (%)
1. Tanah kelapa		5	1	-	-	6	10	13.5	8.12
2. Tanah sagu		6	1	-	-	7	11.67	27	16.24
3. Tanah getah		7	1	-	3	11	18.33	45	27.07
4. Tanah kebun buah/sayur		2	-	-	1	3	5	6.25	3.76
5. Tapak rumah		23	3	-	2	28	46.67	37.5	22.56
6. Tanah kosong		2	1	-	-	3	5	5	3.01
7. * Lain-lain		-	2	-	-	2	3.33	32.0	19.25
Jumlah		45	9		6	60	100	166.25	100

* Lain-lain termasuk tanah sawah yang dimiliki di kawasan luar kampung.

Dan tanah yang dibuat untuk rumah sewa.

Data ini jelas menunjukkan bahawa di kalangan petani di kampung ini 45 orang mendapatkan tanah dengan cara pusaka (75%), 9 orang membeli tanah mereka (15%) dan 6 orang lagi secara hadiah (10%)

Jika diteliti dari segi pemilikan tiap-tiap orang ke atas satu-satu jenis tanaman, kita dapati, keluasan yang dimiliki mereka adalah kecil. Ini disebabkan pembahagian tanah yang berlaku melalui perwarisan harta yang menyebabkan hak milik ke atas tanah mulai berkurangan dan tidak ekonomik untuk diusahakan. Tetapi ada di antara ketua keluarga yang memiliki lebih dari satu jenis tanaman di atas tanah mereka.

Terdapat satu kes di mana empat ekar tanah terpaksa dikongsi seramai 18 orang. Keadaan ini menimbulkan kesulitan kerana tiap-tiap seorang hanya mendapat hak yang terlalu kecil. Oleh sebab itu sukar bagi mereka untuk memecahkan geran dan akhirnya tanah tersebut terbiar tanpa diusaha-kan.

Dari itu cara yang paling mudah untuk menyelesaikan masaalah ini ialah dengan menjualkannya dan memhahagikan wang yang diperolehi. Tetapi bagi mereka yang sayang kepada tanah pusaka tetap menyimpannya walaupun keluasannya kecil dan tidak dapat diusahakan. Keadaan ini menimbulkan kesan yang negatif ke atas pembangunan dan kegunaan tanah di Kampung Parit Bilal ini.

4.4

Pemilikan Tanah Mengikut Umur Ketua Keluarga

Ketidaksamaan pemilikan tanah di Kampung Parit Bilal adalah kesan dari pola pemilikan terdahulu dan juga keupayaan ketua keluarga. Bagi mereka yang memang berniat untuk mengumpulkan tanah maka kita dapati semakin lanjut usia mereka, semakin luas tanah yang dimiliki.

Keadaan sebaliknya juga berlaku di mana bagi mereka yang tidak

JADUAL 4.2 PEMILIKAN TANAH MENGIKUT UMUR

UMUR (TAHUN)	LUAS (EKAR)	0	0.1 - 1.0	1.1 - 2.0	2.1 - 4.0	4.1 - 7.0	7.1 - 10.0	10.1 - 15.0	15.1 - 20.0	20.1 - LEBIH	BIL (RESP.)	PERATUS (%)	J U M L A H YG MEMILIKI TANAH SHJ.	PERATUS
		0	1	2	3	4	5	6	7	8	9			
Bawah 20 tahun														
21 - 25	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1	1	1.18%
26 - 30	2	2	1	-	-	-	-	-	-	-	5	5	3	3.53%
31 - 35	-	3	1	1	-	-	-	-	-	-	5	5	5	5.88%
36 - 40	3	-	2	1	4	-	-	-	-	-	10	10	7	8.24%
41 - 45	4	4	4	1	1	-	-	-	-	-	14	14	10	11.76%
46 - 50	1	1	3	2	-	2	2	-	-	-	11	11	10	11.76%
51 - 60	4	9	5	8	3	3	-	-	-	-	32	32	28	32.94%
61 - 70	1	5	-	5	1	2	2	-	-	1	17	17	16	18.83%
71 dan lebih	-	2	1	-	-	1	1	-	-	-	5	5	5	5.88%
Jumlah	15	27	16	19	9	8	5	1	100	100		85		100%

berkemampuan atau tidak mempunyai sumber pendapatan lain, maka penjualan tanah merupakan cara yang mudah untuk mendapatkan wang bagi perbelanjaan harian. Begitu juga mereka yang sudah tidak mempunyai waris terdekat yang akan mempusakai harta mereka lebih suka membiarkan tanah sebelum iaanya diserahkan kepada pihak lain apabila mereka mati nanti.

Dari jadual 4.2 dapat kita lihat dengan jelas keluasan pemilikan tanah berdasarkan kategori umur. Dari sini kita dapati hanya seorang sahaja yang memiliki tanah lebih dari 20 ekar dan beliau berusia dalam lingkungan 61 - 70 tahun. Yang lain memiliki tanah yang kurang dari 15 ekar.

Ketua keluarga yang banyak memiliki tanah ialah di antara umur 41 - 60 tahun iaitu seluas 194 ekar tanah. Walau bagaimanapun keluasannya berbeza di antara satu sama lain. Kerana jika dilihat di kalangan mereka yang berumur di antara 51 - 60 tahun, 4 orang darinya tidak mempunyai tanah langsung, 9 orang memiliki di antara 0.1 - 1.0 ekar, 5 orang memiliki 1.1. - 2.0 ekar. 8 orang memiliki tanah di antara 2.1 - 4 ekar, 3 orang memiliki antara 4 - 7 ekar dan 3 orang lagi antara 10 - 15 ekar. Ini bermakna 32.94% daripada pemilik tanah adalah di bawah lingkungan umur ini.

Di antara responden yang berumur di bawah 40 tahun, hanya 16 orang yang memiliki tanah (18.87% sahaja) dan 5 orang tidak mempunyai tanah langsung (2.17%). Sementara kesemua 5 orang yang berumur lebih dari 70 tahun mempunyai tanah sekurang-kurangnya $\frac{1}{2}$ ekar.

Dari data di atas dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa tingkat umur tidak begitu mempengaruhi kawasan pemilikan tanah seseorang. Malah keluasan pemilikan tanah ini lebih dipengaruhi sikap ingin mengumpulkan tanah di samping adanya kemampuan dari segi kewangan dan simpanan di samping faktur-faktur lain. Di antaranya termasuklah faktur-faktur pendesak yang menyebabkan seseorang itu terpaksa melepaskan tanahnya ke tangan orang lain.

4.5 Pekerjaan Penduduk

Apabila disebut perkataan 'kampung' maka jelaslah kepada kita satu suasana luar bandar di mana pengeluaran pertanian merupakan satu faktur penting. Perhubungan di antara penduduk kampung ini adalah secara 'face to face' dan mempunyai pertalian yang rapat di antara satu sama lain. Aktiviti ekonomi lain yang menggalakan interaksi yang lebih luas ialah melalui pemasaran hasil pertanian mereka.

Telah dikatakan bahawa pertanian bukanlah aktiviti utama seluruh penduduk seluruh Kampung Parit Bilal. Akibat perubahan yang berlaku secara berperingkat-peringkat maka aktiviti kampung ini boleh dihaghikan kepada dua bahagian yang besar iaitu dalam pertanian dan luar pertanian.

4.6 Pembahagian Ketua Keluarga Mengikut Katogeri Pekerjaan

Dalam jadual 4.3 dapat kita lihat dengan jelas pembahagian ketua keluarga mengikut katogeri pekerjaan yang dijalankan. Aktiviti penduduk kampung ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu dalam pertanian dan di luar pertanian. Dan satu bahagian lagi golongan mereka yang tidak bekerja.

Dari 100 buah keluarga yang dikaji 22 orang ketua keluarga bergiat di dalam sektor pertanian. Pekerjaan yang dilakukan termasuklah berkebun kecil kelapa - 3 orang, perusahaan kecil sagu - 3 orang, penoreh getah - 6 orang, berkebun sayur dan buah-buahan - 3 orang dan kerja-kerja kampung 6 orang. Kerja-kerja kampung termasuklah menyucuk atap, mengambil upah menebas kebun dan menggali parit, mengambil upah mengait kelapa dan lain-lain pekerjaan yang boleh mendapatkan wang tambahan untuk menyara keluarga.

Bilangan mereka yang terlibat di dalam sektor pertanian ini adalah kecil jika dibandingkan dengan mereka yang di luar pertanian iaitu hanya 22% dari jumlah yang dikaji.

Sementara mereka yang bergiat di luar pertanian pula dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu yang bekerja dengan kerajaan dan di luar kerajaan. Bekerja di luar kerajaan seperti bekerja sendiri atau dengan pihak Swasta.

JADUAL 4.3 PEMBAHAGIAN KETUA KELUARGA MENGIKUT

KATOGERI PEKERJAAN

PEKERJAAN	BILANGAN	PERATUS (%)
1. DALAM PERTANIAN		
1. Kebun Kecil kelapa	3	3
2. Pengusaha kecil sagu	4	4
3. Menoreh getah	6	6
4. Berkebun sayur/buah-buahan	3	3
5. Kerja-kerja kampung	6	6
	<hr/> 22	<hr/> 22%
2. LUAR PERTANIAN		
A. Dengan Kerajaan		
1. Naib Ketua Kampung	1	1
2. Pegawai	2	2
3. Guru	10	10
4. Kerani	7	7
5. Buruh	21	21
6. Pesara	9	9
	<hr/> 50	<hr/> 50%
B. Luar Kerajaan		
1. Berniaga	6	6
2. Buruh	5	5
3. Drebar teksi/lori/bas	6	6
4. Tukang rumah	3	3
5. Penarik beca	3	3
	<hr/> 23	<hr/> 23%
3. TIDAK BEKERJA	5	5
	5	5%
JUMLAH	100	100%

Ketua keluarga yang bekerja di luar pertanian dan dengan kerajaan dapat dikatogerikan kepada enam jenis pekerjaan. Mereka adalah terdiri dari seorang Naib Ketua Kampung, 2 orang pegawai kerajaan, 10 orang guru, 7 orang kerani, 21 orang buruh dan 6 orang pesara. (Jadual 4.3)

Sungguhpun begitu terdapat golongan ketua keluarga yang bekerja di luar pertanian dan tidak dengan kerajaan. Mereka menjalankan aktiviti seperti bermiaga (6 orang), buruh (biasanya kerja kilang seramai 5 orang), drebar (6 orang) samada membawa lori, teksi atau bas sekolah, tukang rumah (3 orang) dan penarik beca (3 orang).

Pengkaji mengatogerikan kesemua ketua keluarga ini berdasarkan kepada pekerjaan utama mereka, tidak termasuk kerja-kerja sambilan yang dilakukannya. Jika diteliti didapati mereka yang bekerja di luar pertanian ini sama ada dengan kerajaan atau di luar kerajaan biasanya menjalankan juga kerja-kerja kampung yang lain sebagai tambahan kepada pendapatan mereka. Jarang terdapat di kalangan mereka yang hanya bertumpu kepada satu pekerjaan sahaja kecuali Naib Ketua Kampung dan pegawai kerajaan.

Terdapat 5 orang yang tidak bekerja langsung disebabkan tua atau sengaja tidak dibenarkan oleh anak mereka. Atau disebabkan kecacatan yang menghalang mereka dari melakukan apa-apa pekerjaan. Mereka ini biasanya dibantu oleh saudara mara atau anak cucu.

Secara keseluruhannya, apa yang dapat disimpulkan dari data 4.3 ialah dari jumlah 100 orang keuta keluarga yang dikaji, 73% daripadanya tidak lagi bergiat di sektor pertanian. Mereka ini sangat bergantung kepada tanah dan pendapatan bulanan mereka juga bergantung kepada buruk baiknya cuaca pada satu-satu bulan tersebut. Data ini menunjukkan dengan jelas bahawa pertanian bukanlah merupakan aktiviti penting penduduk Kampung Parit Bilal, kerana hanya 30.14% sahaja dari ahli keluarga yang bekerja di sektor pertanian.

4.7 Pembahagian Mengikut Pekerjaan dan Luas Pemilikan tanah

Setelah meneliti jenis pekerjaan atau aktiviti yang dijalankan oleh ketua keluarga yang dikaji, eloklah pula kita melihat tentang pembahagian tanah mengikut keluasan dan pekerjaan ahli atau ketua keluarga.

(a) Dalam Pertanian

Dalam sektor pertanian ini, jumlah tanah yang terlibat ialah 93.0 ekar yang dimiliki oleh 22 orang ketua keluarga. Dari jumlah ini 12 ekar dipenuhi oleh tanaman kelapa yang diusahakan oleh 3 orang. 2 orang daripadanya memiliki tanah seluas antara 4 - 7 ekar tanah, dan seorang darinya memiliki 2 - 4 ekar tanah. 4 orang yang mengusahakan sagu memiliki seluas 26.25 ekar. 6 orang pengusaha getah memiliki tanah yang agak luas iaitu 45.25 ekar dan 1 ekar tanah lagi dipunyai oleh 3 orang yang berkebun sayur atau dusun buah-buahan. Dan 6 orang lagi menjalankan kerja-kerja kampung memiliki tanah seluas 8.5 ekar.

Dari 22 orang ketua keluarga yang bergiat dalam sektor pertanian ini, 3 orang daripadanya tidak memiliki tanah langsung, 3 orang memiliki tanah antara 0.1 - 1 ekar, 2 orang memiliki 1.0 - 2.0 ekar tanah. 5 orang antara 2.1 - 4.0 ekar, 2 orang memiliki tanah antara 4 hingga 7 ekar. 5 orang lagi memiliki 7 - 10 ekar sementara 2 orang yang lain memiliki tanah kurang daripada 15.0 ekar. Jika dilihat secara keseluruhan hitung panjang mereka yang bergiat dalam pertanian ialah 4.23 ekar bagi tiap-tiap seorang bagi satu jenis kerja. Dan 33.91% dari keluasan tanah yang dimiliki oleh 100 orang ketua keluarga.

(b) Luar Pertanian

i) Dengan kerajaan

Dari sejumlah 50 orang yang bekerja dengan kerajaan di luar sektor pertanian memiliki tanah seluas 109.5 ekar.

Mereka terdiri dari golongan yang memonopoli sebahagian besar

JADUAL 4.4 PEMBAHAGIAN MENGIKUT PEKERJAAN DAN
LUAS PEMILIKAN TANAH

JAWAAN	PEMILIKAN (EKAR)	J U M L A H												BIL (ORG)	PERATUS (%)	LUAS (EKAR)	PERATUS (%)
		0	0.1-1.0	1.1-2.0	2.1-4.0	4.1-7.1	7.1-10	10.1-15.0	15.1-20.0	20.1-25.0	25.1	LBH.					
<u>lam Pertanian</u>																	
Kebun kecil kelapa	-	-	-	1	2	-	-	-	-	-	-	3	3	12.0	4.38		
Pengusaha Kecil sagu	-	-	-	2	-	-	2	-	-	-	-	4	4	26.25	9.57		
Penoreh getah	-	-	1	-	-	5	-	-	-	-	-	6	6	45.25	16.50		
Berkebun sayur/buah-buahan	1	2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3	3	1.0	0.36		
Kerja-kerja kampung	2	1	1	2	-	-	-	-	-	-	-	6	6	8.5	3.10		
<u>ar Pertanian</u>																	
Dengan Kerajaan																	
Naib Ketua Kampung	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	1	1	2.0	0.73		
Pegawai	-	-	-	1	1	-	-	-	-	-	-	2	2	8.0	2.92		
Guru	-	3	4	1	-	1	1	-	-	-	-	10	10	23.25	8.48		
Kerani	-	3	1	-	2	-	1	-	-	-	-	7	7	23.0	8.39		
Buruh	7	4	4	3	2	1	-	-	-	-	-	21	21	33.5	12.22		
Pesara	-	4	-	4	-	1	-	-	-	-	-	9	9	19.75	7.21		
<u>Luar Kerajaan</u>																	
Berniaga	1	3	1	-	-	-	-	-	1	-	-	6	6	28.0	10.21		
Buruh	3	1	-	1	-	-	-	-	-	-	-	5	5	3.5	1.27		
Drebar teksi/lori.bas	1	3	-	1	1	-	-	-	-	-	-	6	6	11.25	4.10		
Tukang rumah	-	1	-	1	1	-	-	-	-	-	-	3	3	8.75	3.19		
Penarik Beca	-	-	3	-	-	-	-	-	-	-	-	3	3	4.25	1.54		
DAK BEKERJA	-	2	1	2	-	-	-	-	0	-	-	5	5	16.0	5.83		
	15	27	16	20	9	8	4	-	1	-	100	100	274.25	100.0%			

dari keluasan tanah di Kampung Parit Bilal. Bilangan mereka yang teramai sekali ialah kaum buruh iaitu 21 orang dan memiliki seluas 33.5 ekar tanah atau 12.22%. Tetapi 7 orang dari buruh ini tidak memiliki tanah langsung dan terpaksa menyewa tanah orang lain untuk tapak rumah mereka. Buruh-buruh ini tidak begitu ketara untuk mendapatkan tanah kerana punca pendapatan utama mereka bergantung kepada gaji yang diterima pada tiap-tiap bulan. Hanya 3 orang sahaja memiliki tanah 4 - 10 ekar dan tidak ada seorangpun yang mempunyai tanah lebih dari 10 ekar.

Jika dilihat dari jadual 4.4 kita dapat di antara kesemua pekerja di luar pertanian yang bekerja dengan kerajaan, peratus mereka yang memiliki yang paling luas secara hitung panjang ialah pegawai kerajaan iaitu 4 ekar bagi 1 orang.

Jika diteliti satu persatu, seorang Naib Ketua Kampung memiliki 2.0 ekar tanah (0.73%), 2 orang pegawai - 8.0 ekar (2.9%), 10 orang guru - 23.25 ekar (8.48%), 7 orang kerani - 23.0 ekar (8.39%), 21 orang buruh - 33.5 ekar (12.22%) dan 9 orang pesara - 19.75 ekar (7.21%).

ii) Luar Kerajaan

Dalam katogeri ini jumlah keluasan tanah yang dimiliki ialah 55.75 ekar atau 20.31%. Golongan ini tidak memiliki tanah seluas mereka yang bekerja dengan kerajaan atau yang bergiat dengan pertanian. 5 dari ketua keluarga ini tidak mempunyai tanah langsung dan yang lainnya memiliki tanah kurang dari 7 ekar. Hanya 1 orang sahaja yang memiliki tanah lebih dari 20 ekar.

Keadaan di atas mungkin disebabkan kehidupan mereka yang serba sederhana itu. Tambahan pula sebahagian besar dari mereka

adalah pendatang dari luar kampung yang tinggal secara menyewa tanah. Dari itu pendapatan yang diperolehi terpaksa diagihkan kepada perkara-perkara lain yang menyebabkan mereka kurang berminat untuk mengumpulkan wang bagi membeli tanah. Kalaupun mereka mempunyai tanah adalah melalui pusaka dari orang tua mereka. Kecuali mereka yang bermiaga secara besar-besaran dan dapat mengumpulkan harta.

(c) Tidak bekerja

Dari jadual 4.4 dapat kita lihat bahawa seramai 5 orang ketua keluarga yang tidak bekerja. Dan mereka ini memiliki tanah seluas 16.0 ekar. Biasanya tanah ini tidak mereka usahakan sendiri tapi diserahkan kepada orang lain untuk mengusahakannya. Ini disebabkan mereka telah tua. Terdapat juga tanah yang terbiar dan belum lagi dibahagikan kepada anak-anak mereka. Golongan ini dianggap sebagai tidak bekerja kerana mereka tidak membuat apa-apa pekerjaan dan hanya menerima hasil dari tanah yang diusahakan oleh orang lain. Kadang-kadang keuntungan yang mereka terima adalah terlalu rendah.

Kelima-lima ketua keluarga ini memiliki tanah kurang dari 4 ekar atau 5.83% dari jumlah 274.25 ekar tanah. Dan dari kajian didapati kelima-lima ketua keluarga ini mendapat tanah mereka melalui pusaka.

Dari itu melalui jadual 4.4 dapat kita membuat kesimpulan bahawa pembahagian keluasan tanah di kalangan ketua keluarga (100 orang) adalah tidak sekata dan ianya bergantung kepada faktur-faktur tertentu yang menyebabkan berlakunya sedemikian.

BAB V

KESAN EKONOMI DAN SOSIAL

I. KESAN EKONOMI

5.1 Pendahuluan

Di dalam bab tiga dan empat kita telah melihat tentang trend pemilikan tanah di kalangan penduduk Kampung Parit Bilal ini dan beberapa perkara yang berkaitan dengannya. Dari itu dalam bab lima ini pengkaji akan membincangkan tentang kesan yang timbul akibat dari pola pemilikan ini terutama dari segi sekonomi dan sosial.

Asas ketidaksamaan ekonomi yang wujud kesan dari pola pemilikan tanah ini juga akan mempengaruhi struktur kelas dan status di kampung ini. Kesan dari stratifikasi sosial yang wujud akan menentukan bentuk pimpinan tertentu yang akan kita bincangkan nanti.

Di dalam bab ini, pengkaji akan menyentuh serba sedikit mengenai hutang, pinjaman serta tabungan penduduk kampung. Di mana akan ditekankan kepada bentuk harta yang ada serta pendapatan kerana kedua-dua faktur ini merupakan penentu kepada kelas dan status di samping faktur-faktur lain (telah dibincangkan dalam bab II)

5.2 Pendapatan

Pendapatan merupakan wang yang diperolehi oleh seseorang sebagai ganjaran kepada khidmat yang diberikan atau pulangan kepada seseorang di atas usaha atau kerja yang telah dilakukannya. Untuk mengetahui jumlah pendapatan seseorang itu kita terlebih dahulu patut mengetahui tentang jenis pekerjaan yang dilakukannya samada berdasarkan kelulusan seseorang atau kekuatan tenaga yang ada padanya.

Telah dibincangkan bahawa Kampung Parit Bilal ini boleh diklasifikasi sebagai kampung tradisional, walaupun sebahagian besar daripada penduduknya sudah bergiat dalam aktiviti di luar pertanian.

tradisional adalah usaha mendapatkan makanan. Sehari-harian seseorang ketua keluarga itu akan berusaha mendapatkan makanan untuk dirinya dan keluarganya. Seorang ahli Anthropologi menghuraikan "A first and most essential requirement for any human community is to feed itself, and in some of very simple societies this is everybody's main preoccupation from childhood to death."

Selain dari itu di kalangan masyarakat kampung ini masih kuat memegang kepada nilai-nilai serta norma yang merupakan kawalan sosial terhadap masyarakat. Sifat bergotong royong terdapat juga di dalam masyarakat tradisional ini di mana mereka saling bantu membantu dalam aktiviti yang mereka lakukan dalam usaha mereka mencari makanan.

Pekerjaan utama penduduk di Kampung Parit Bilal ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu di dalam pertanian dan di luar pertanian. Jadual 5.1 menunjukkan dengan jelas tentang permbahagian Ketua keluarga mengikut katogeri pekerjaan yang mereka jalankan.

Jika dilihat pengagihan pendapatan ketua rumah tangga yang bergiat di sektor pertanian kita dapati 81.81 peratus (18orang) daripadanya mempunyai pendapatan di bawah \$340.00. Dari jumlah 22 orang ahli keluarga ini 8 orang dari mereka mempunyai pendapatan yang kurang dari \$160.00. Jumlah ini adalah rendah jika dibandingkan dengan tanggungan mereka yang ramai (kadang-kadang sampai 9 atau 11 orang anak). Jadual 5.2 mereka ini adalah terdiri dari 3 orang penoreh getah, 2 orang yang berkebun sayur, dan 3 orang yang menjalankan kerja kampung. Mereka ini boleh dikatakan keluarga miskin yang hidup semata-mata bergantung kepada pertanian dan keadaan cuaca. Data yang diperolehi adalah berdasarkan kepada hitung panjang pendapatan mereka kerana selalunya mereka tidak mendapat sejumlah wang yang tetap. Ada kalanya mereka ini mendapat kurang dari yang dinyatakan.

Oleh sebab itu mereka terpaksa meminjam dari golongan yang berada untuk menampung keperluan hidup dan membiayai pelajaran anak-anak mereka. Di samping

**JADUAL 5.1 PEMBAHAGIAN KETUA KELUARGA MENGIKUT
KATOGERI PEKERJAAN**

PENDAPATAN ERJAAN	0-30	31-60	61-100	101-160	161-240	241-340	341-460	461-600	601-800	801-1200	1201-1600	1601-2000	2001-2500	2501-& LEBIH	JUMLAH	PERATUS (%)
Ilam Pertanian																
Kebun kecil kelapa						3									3	3
Pengusaha kecil sagu						2		2							4	4
Penoreh getah						1	1			1					6	6
Berkebun sayur/buah				2		1									3	3
Kerja kampung	1	1	1			3									6	6
Bar Pertanian																
Angan Kerajaan																
Naib Ketua Kampung								1							1	1
Pegawai							1								2	2
Guru							2								10	10
Kerani						2	1	1	3						7	7
Buruh						11	1	1		4	2	1			21	21
Pesara					2	1	2	1		1					9	9
Bar Kerajaan																
Berniaga						1	1	1						1	6	6
Buruh						1	2	2							5	5
Drebar lori/teksi/bas						1	2	1							6	6
Tukang rumah						1	2	1		1					3	3
Penarik beca						1	1								3	3
tidak Bekerja						2	1	2							5	5
Jumlah	1	3	4	6	12	19	23	8	5	7	2	3	1	1	100	100

itu terdapat seorang penoreh yang berpendapatan lebih dari \$600.00 sebulan, dan 2 orang pengusaha sagu yang berpendapatan \$460 hingga \$600. Golongan yang berpendapatan kurang dari \$160 seperti yang disebutkan merupakan petani miskin dan boleh digolongkan ke kelas rendah.

Sementara mereka yang bergiat di luar sektor pertanian tetapi bekerja dengan kerajaan merupakan kumpulan yang teramai iaitu 50% dari penduduk yang dikaji. Mereka terdiri dari Naib Ketua Kampung, Pegawai, Guru, Kerani, Buruh Kerajaan dan Pesara. Terdapat 11 orang (22%) dari mereka mempunyai pendapatan \$800 sebulan. Mereka adalah 8 orang guru, seorang pegawai kerajaan, seorang buruh dan seorang pesara. Ini adalah kerana di samping pendapatan tetap (gaji) yang diterima pada tiap-tiap bulan, mereka juga menjalankan pekerjaan lain.

Contohnya seorang pesara menerima wang pencen sejumlah \$200, beliau membuat kerja-kerja kampung dan memperolehi hampir \$400. Selain dari itu beliau mempunyai 2 ekar tanah yang ditanam dengan pisang dan dipajakkan di sebuah kedai dengan pendapatan yang tidak kurang dari \$200. Beliau juga mempunyai ramai tanggungan (4 orang sahaja).

Kebanyakan dari ketua keluarga yang bekerja dengan kerajaan ini berpendapatan lebih dari \$250. Hanya 2 orang sahaja yang berpendapatan di antara \$60 hingga \$160 sebulan iaitu 2 orang pesara kerajaan. Pada keseluruhannya pendapatan mereka yang di atas adalah yang tertinggi jika dibandingkan dengan ketua keluarga yang bergiat di sektor lain.

Golongan ketiga adalah terdiri dari ketua keluarga yang bergiat di luar pertanian dan tidak dengan kerajaan. Di antara kelima-lima jenis pekerjaan ini iaitu bermiaga, buruh swasta/kilang, drebar, tukang rumah penarik beca ini terdapat seorang yang berpendapatan paling tinggi iaitu melebihi \$2501 sebulan dan merupakan pendapatan yang tertinggi dari 100 keluarga yang dikaji. Beliau adalah seorang peniaga yang telah membuka sebuah kedai di kampung ini. Selain dari itu ia mempunyai 4 buah rumah

sewa serta mempunyai 'share' dengan sebuah syarikat minyak 'Shell' di-Bagan. Hasil dari pendapatan yang begini menyebabkan pendapatannya melebihi \$2501.00. Kebanyakan responden dari golongan ketiga ini menerima pendapatan antara \$160.00 hingga \$600.00 sebulan, iaitu sejumlah 20 orang (86.95%). (Jadual 5.1).

Hanya terdapat dua orang sahaja yang mempunyai pendapatan kurang dari \$100.00 iaitu seorang peniaga dan seorang tukang rumah.

Gulungan terakhir ialah mereka yang tidak mempunyai apa-apa pekerjaan. Sungguhpun begitu, pendapatan mereka.. adalah sederhana tidak terlalu tinggi atau rendah iaitu antara \$61.00 - \$600.00. Ini adalah kerana mereka mendapat bantuan dari anak-anak yang bekerja. Contohnya seorang janda mempunyai tanggungan enam orang, empat dari anaknya memberikan sejumlah wang kepadanya untuk berbelanja harian. Keempat-empat anak tersebut, dua darinya sebagai guru yang mengajar di Johor Baharu, dan seorang kerani serta seorang jururawat.

Oleh itu kesimpulan yang dapat kita buat ialah keseluruhan pendapatan mereka yang bergiat diluar pertanian dan dengan kerajaan mempunyai pendapatan rata-rata lebih tinggi dari pendapatan petani. Sementara ketidakseimbangan pendapatan pula dapat dilihat pada mereka yang bekerja sendiri tetapi di luar pertanian. Dimana mereka ini berkuasa mengumpulkan sejumlah wang yang banyak dan lebih pendapatan ini boleh diagihkan samada dibuat modal berniaga, diberi pinjam kepada sahabat handai atau digunakan untuk membeli tanah dan sebagainya.

Dari sini jelaslah bahawa pekerjaan seseorang itu boleh menetukan kelas atau status mereka, kerana biasanya yang kaya itu akan di hormati oleh penduduk kampong itu.

5.3 Penyebaran pendapatan keseluruhan keluarga dan tanggungan.

Setelah mengkaji pendapatan ketua keluarga, kita juga perlu melihat tanggungan keluarga tersebut kerana pendapatan yang tinggi tidak boleh menjadikan sesuatu keluarga itu dianggap kaya kerana ia bergantung kepada jumlah tanggungannya. Di sini kita dapati pengagihan pendapatan adalah tidak seimbang dan kadangkala rendah.

Dari kajian di dapati 14% keluarga yang berpendapatan di bawah \$2,000.00 mempunyai tanggungan 3 orang dan kurang. Sementara 9% dari ketua keluarga yang berpendapatan antara \$601.00 - \$1,200.00 mempunyai tanggungan antara 4 - 6 orang.

Dari sini kita dapati pengagihan di kalangan ahli keluarga tidak seimbang. Contohnya seorang sahaja yang berpendapatan yang lebih \$2501.00 keatas dan mempunyai tanggungan 7 orang (pendapatan paling tinggi) dan seorang lagi mempunyai pendapatan \$30.00 sebulan mempunyai 1 orang tanggungan sahaja.

Namun demikian ketua keluarga ini sering juga dibantu oleh anak isteri mereka. Walaupun pertambahan ini cuma sedikit, tetapi ianya sekurang-kurangnya dapat juga meringankan beban keluarga.

5.4 Pendapatan ketua keluarga mengikut umur.

Umur juga secara langsung dapat mempengaruhi pendapatan seseorang ahli keluarga. Dimana ianya mempunyai kaitan yang rapat dengan kekuatan tenaga seseorang. Pola seperti ini dapat di lihat dalam jadual 5.3 tentang pembahagian pendapatan berdasarkan kepada pembahagian umur. Di sini kita dapati mereka yang mempunyai pendapatan yang rendah biasanya penggerja tanah sendiri seperti petani-petani. Mereka ini sejumlah 80.37% dan berumur bawah 60 tahun dan mempunyai pendapatan yang kurang dari \$460.00 . Tetapi tidak ada diantara mereka yang melebihi umur 70 tahun yang menjalankan aktiviti pertanian, kecualai kerja-kerja kampong yang ringan.

JADUAL 5.2 PENYERBARAN PENDAPATAN
KESELURUHAN DAN TANGGUNGJAN

PENDAPATAN (\$)	TANGGUNGJAN	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11 & LEBIH	JUMLAH	PERATUS (%)
0 - 30.0		1											1	1
31.0 - 60.0		1											1	1
61.0 - 100			1		1			1		1		2	6	6
101 - 160		1	1		1		1			2			1	7
161 - 240		1	3		3	1	4	1		2			1	16
241 - 340		2	1	4		4	2	2	2				1	18
341 - 460		1		1	2	3	6	1	2	3			3	22
461 - 600			1	1			1	3		1			3	10
601 - 800				1	1	2			1				5	5
801 - 1200			1		2	1	1		2				7	7
1201 - 1600				1				2					3	3
1601 - 2000				1					1				2	2
2001 - 2500									1				1	1
2501 & Lebih							1						1	1
Jumlah		7	8	9	10	11	15	11	8	12		9	100	100%

JADUAL 5.3 PENDAPATAN KETUA KELUARGA MENGIKUT UMUR

UMUR DAPATAN (3)	BAWAH 20TH	21-25	26-30	31-33	36-40	41-45	46-50	51-60	61-70	LEBIH DARI 71 TH.	JUMLAH	PERATUS (%)
0 - 30					1				1		2	2
30 - 60.0									1	1	2	2
60 - 100.0					1	1		3	1	1	5	5
100 - 160.0								1	3		6	6
160 - 240.0		1	1	1	2			7	2	1	16	16
240 - 340.0			1	1	2	5	2	5	1	1	18	18
340 - 460.0			2	2	2	2	4	8	1		21	21
460 - 600.0					1		2	2	5	1	11	11
600 - 800.0				1	1	2	1				5	5
800 - 1200.0		1		1	2	1	1	2			7	7
1200 - 1600.0						1			1		2	2
1600 - 2000.0						1		1			2	2
2000 - 2500.0							1		1		2	2
2500 dan lebih								1			1	1
JUMLAH		1	5	5	9	16	13	30	16	5	100	100%

Dari jadual 5.3 di dapati 36% daripada ketua keluarga yang berumur kurang dari 50 tahun mempunyai pendapatan yang kurang dari \$460.00 dan 22% dari umur ini mempunyai pendapatan yang lebih dari \$460.00. Sementara itu 45% daripada mereka yang berumur lebih dari 50 tahun mempunyai pendapatan yang kurang dari \$460.00 dan hanya 6% sahaja dari umur ini mempunyai pendapatan melebihi \$460.00.

Jika dilihat dengan jelas kita dapati golongan muda mempunyai pendapatan yang kurang jika dibandingkan dengan golongan ketua keluarga yang lebih tua. Contohnya hanya sebilangan 20% sahaja dari mereka yang berumur bawah 40 tahun mempunyai pendapatan antara \$100.00 - \$1200.00 sedangkan 49% dari katogeri ini berumur antara 40 - 60 tahun. Bilangan mereka adalah ramai. Tetapi hanya seorang sahaja yang berpendapatan melebihi \$2501.00, iaitu berumur antara 51 - 61 tahun. Keadaan ini menyebabkan jurang perbezaan ekonomi mereka bertambah besar.

5.5 Harta tabungan dan simpanan.

Keadaan ekonomi masyarakat di Kampung Parit Bilal ini yang tidak sama rata telah mengujudkan jurang perbezaan dari segi ekonomi dan seterusnya menentukan kedudukan sosial masyarakat kampung.

Biasanya 'harta' dalam erti kata sebenar amat sukar di nilai di kalangan penduduk kampung ini. Harta mereka biasanya disimpan dalam bentuk wang, pemilikan tanah, rumah, ternakan, kenderaan dan perabut rumah disamping alat-alat pertanian.

Kebanyakan daripada responden yang dikaji mempunyai rumah sendiri (80%) walaupun mereka ini ada yang menyewa di tanah orang lain. Dan 20% daripada mereka menyewa rumah kepunyaan tuan tanah. Terdapat satu kes di mana sebidang tanah seluas 2 ekar telah di bina rumah sebanyak 7 buah yang kesemua nya terdiri dari keluarga dari seorang responden.

Bentuk pemilikan diatas biasanya menjadi ukuran penentu status dan

kelas dalam masyarakat. Seramai 14% daripada penduduk yang di kaji mempunyai tanah lebih dari 0.7 ekar (telah dibincangkan).

Dari data kajian, di dapati di antara 100 buah keluarga yang dikaji, 43 buah keluarga memelihara ayam sebanyak 642 ekor, itek 514 ekor oleh 34 keluarga, 12 ekor lembu yang dipelihara oleh 3 orang (seorang daripadanya pesara kerajaan), sementara 7 ekor kambing oleh 2 buah keluarga. Kesemua mereka ini terdiri dari keluarga yang bergiat di dalam sektor pertanian, kerana mereka inilah yang mempunyai masa yang terluang untuk menternak binatang tersebut jika dibandingkan dengan ketua keluarga yang bekerja dengan kerajaan.

Sungguhpun begitu terdapat juga keluarga yang bekerja dengan kerajaan memelihara ayam dan itek tetapi kerja ini biasanya di buat oleh isteri atau anak-anak mereka. Bilangan mereka ini tidaklah seramai kaum tani tadi. Hanya 10% sahaja memelihara ayam atau itek. Yang lain hanya memelihara secara sambilan sahaja dimana bilangan nya kurang dari 10 ekor dan mereka ini lebih suka mengatakan tidak memelihara apa-apa ternakan kerana malukan bilangannya yang sedikit. Oleh sebab itu pengkaji dapati hampir 90% keluarga yang di temui ada memelihara ternakan (termasuk yang kurang dari 10 ekor tadi).

Dalam keadaan diatas harta mereka adalah tidak jelas. Oleh itu untuk melihat samada seseorang itu kaya atau miskin bolehlah di dasarkan kepada jenis rumah yang mereka diami samada rumah batu atau rumah papan atau dilihat dari segi perabut yang di kira sebagai harta yang terdiri dari benda-benda yang berharga sahaja. Perabut yang di maksudkan disini hanyalah radio, telivisyen, peti sejuk dan dapur gas. Dari data yang di perolehi di dapati hampir kesemua rumah yang dikaji (98%) mempunyai radio, 70% rumah tangga mempunyai telivisyen, 30% memiliki peti sejuk dan 50% memiliki dapur gas. Selain daripada barang-barang diatas tidak di kira sebagai harta kerana sukar untuk menilaikannya.

Sementara itu, segala jenis kenderaan yang diambil kira sebagai harta termasuklah basikal, motosikal, kereta, van, lori dan bas.

Akibat dari keadaan pendapatan yang tidak tetap di dalam sesuatu rumah tangga, maka mereka ini terpaksa menghadapi perkara-perkara yang tidak di ingini seperti berhutang, bergadai, meminjam dan sebagainya. Tetapi bagi mereka yang berpendapatan tetap dan bergaji besar, menabung atau menyimpan memang menjadi amalan mereka.

Penduduk di Kampung Parit Bilal ini sama seperti penduduk di kawasan lain menabung sebahagian dari pendapatan mereka. Kebanyakannya menyimpan untuk tujuan kecemasan, kesusahan dan persediaan di masa hadapan. Bagi mereka yang berjimat cermat akan menabung samada dalam bentuk wang tunai atau emas di bank, pejabat pos dan sebagainya.

Dilihat dari jadual 5.4, kita dapatti mereka yang bergiat dalam pertanian, hanya 15.38% (6orang) yang dapat menyimpan sebahagian dari pendapatan mereka. Mereka terdiri dari 2 orang penoreh getah yang menyimpan dalam bentuk wang tunai di rumah, begitu juga dengan 2 orang pekerja kampung. Terdapat 2 orang lagi yang menyimpan di Pejabat Pos iaitu seorang pengusaha kecil sagu dan seorang lagi berkebun.

Di kalangan mereka yang bekerja dengan kerajaan, bilangan mereka yang dapat menimpa wang adalah lebih ramai. Ini di sebabkan pendapatan mereka adalah tetap pada tiap-tiap bulan dan baki dari perbelanjaan dapat ditabungkan. Berbanding dengan petani yang sentiasa kekurangan dan pendapatan nya yang tidak tetap.

Dari kalangan pekerja kerajaan, 33.33% menyimpan wang mereka di pejabat pos, 5 darinya adalah guru, seorang Naib Ketua Kampung, 2 orang kerani, 2 orang pesara dan 3 orang buruh, kesemuanya berjumlah 13 orang. Dari jumlah 25 orang yang menyimpan dan dalam sektor pertanian, 6 darinya menyimpan di bank, seorang dalam bentuk wang tunai di rumah dan seorang

JADUAL 5.4 SIMPANAN MENGIKUT PEKERJAAN

BENTUK SIMPANAN PEKERJAAN	WANG TUNAI DI RUMAH	DI BANK	PEJABAT POS	EMAS & WANG TUNAI DI BANK	JUMLAH	PERATUS (%)
1. Dalam Pertanian						
1. Kebun kecil kelapa			1		1	2.70
2. Pengusaha kecil sagu	2				2	5.41
3. Menoreh getah			1		1	2.70
4. Berkebun sayur/buah					2	5.41
5. Kerja kampung	2					
2. Luar Pertanian						
A. Dengan Kerajaan						
1. Naib Ketua Kampung			1		1	2.70
2. Pegawai		2			2	5.41
3. Guru		3			8	21.62
4. Kerani			5		4	10.81
5. Buruh			2		8	21.62
6. Pesara	3	1	3		2	2.70
B. Luar Kerajaan			2	1		
1. Berniaga					2	5.41
2. Buruh			3		3	8.11
3. Drebar teksi/bas/ lori						
4. Tukang rumah			1		1	2.70
5. Penarik beca						
3. Tidak bekerja			2		2	5.41
JUMLAH	9	8	21	1	39	100.00%

lagi dalam bentuk emas dan wang di bank.

Sementara mereka yang bekerja di luar kerajaan dan di luar pertanian, hanya 6 orang sahaja (15.38%) yang menabung di bank dan pejabat pos. Dan akhir sekali mereka yang tidak bekerja, terdapat 2 orang sahaja yang menyimpan wang di pejabat pos.

Walau bagaimana pun jumlah simpanan mereka adalah berbeza berdasarkan lebihan kegunaan bulanan. Namun demikian ini merupakan satu inisiatif yang baik kerana sekurang-kurangnya 39% daripada 100 responden yang dikaji telah menunjukkan minat untuk menabungkan wang mereka tidak kira dalam apa bentuk sekalipun.

Bagi mereka yang tidak mempunyai ramai tanggungan, menabung tidak menjadi masalah bagi mereka. Tetapi terdapat segelintir penduduk Kampung Parit Bilal ini yang boleh di katogerikan dalam petani susah atau miskin. Keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa meminjam atau berhutang kepada pihak lain untuk mendapatkan wang. Dari sinilah wujudnya sistem pinjam meminjam dan hutang piutang di kalangan penduduk.

Terdapat beberapa sebab mengapa mereka ini berhutang.

1. Kerana kesusahan atau kemiskinan di mana pendapatan yang di perolehi tidak mencukupi bagi perbelanjaan atau menyara keluarga.
2. Untuk melanjutkan pelajaran anak-anak.
3. Berhutang sebab ingin di jadikan modal bermiaga atau sebagainya.
4. Ada di antaranya yang sengaja meminjam untuk menambahkan harta umpamanya untuk membeli dapur gas, mesin pencuci baju, kereta dan sebagainya.

Tetapi kes yang sering berlaku ialah meminjam di sebabkan kesesakan dan kesempitan wang. Terdapat satu kes di mana seorang janda itu terpaksa berhutang dengan jiran dan saudara mara kerana untuk menyara anak-anaknya seramai 7 orang. Pekerjaannya sebagai mengambil upah mencuci baju tidak mencukupi bagi satu bulan perbelanjaan.

Hutang piutang begini biasanya hanya berlaku secara kecil-kecilan di kalangan saudara mara dan jiran. Sering kali berlaku di kalangan kaum tani atau buruh swasta. Pemilikan tanah yang sempit serta sukar untuk di usahakan juga menjadi punca berkurangnya pendapatan keluarga.

Pinjaman dan hutang juga berlaku secara meluas di kalangan penduduk kampung. Contohnya pinjaman yang dilakukan dengan MARA, bank-bank, syarikat dan lain-lain agensi kewangan. Cara ini biasanya dilakukan untuk tujuan yang besar umpamanya untuk membina rumah, sebagai modal bermiaga dan sebagainya.

Dalam hubungan talian di terima dengan sebaik mungkin tentang penilaian yang berlaku di kampung itu. Dato' Marpaungnya seluruh Penduduk Kuching pada hari Raya Aidilfitri bagi yang di klasifikasi pelajar atau lagi kerabatnya perlu datang di kampung. Juga di dalam hari raya talian pengukuhan tali sekerabat dan juga kawabatan yang terpilih keluar kampung untuk menghadiri perkahwinan.

Di dalam hubungan pengukuhan anak jauh menggunakan kepada orang pelajar ketika pelajaran yang mana ia lebih berkaitan dengan hal-hal yang akan dibincangkan Rosenberg. Selain jadual 5.5 dapat di lihat tingkat pelajaran ketua masih mengikut kesesuaian pelajaran.

Dari segi pelajaran, ketua keluarga ini diluluskan kepada beberapa kategori seperti binne di Inggeris, iaitu didalam pertanian, di luar pertanian (dengan kerajaan dan buar kerajaan) dan perniagaan yang tidak bekerja. Tingkat pelajaran ketiga ini di bagi di bantahan kepada 9 bahagian tertentu manakala kesemua, dari jadual 1 - 6, sekolah antar baris tidak bersepadu iaitu jadual 5.11.

II KESAN SOSIAL.

Kesan pengagihan ekonomi telah menyebabkan timbulnya beberapa kesan sosial yang mempengaruhi penduduk Kampung Parit Bilal. Setelah membicarakan kesan ekonomi, eloklah pula diterangkan tentang kesan sosial seperti pelajaran, taraf kemajuan pembangunan fizikal dan seterusnya mengenai stratifikasi sosial di kampung serta bentuk pimpinan yang merupakan inti kepada kajian ini.

5.6 Pelajaran.

Pelajaran merupakan satu faktur penting didalam menentukan masa depan seseorang. Kerana dengan pelajaran seseorang itu boleh membentuk kehidupannya ke arah yang lebih cerah dan menjamin kebahagiaan hidup seseorang. Telah banyak di perkatakan bahawa pelajaran merupakan kunci kebahagiaan.

Di dalam bab III telah di terangkan dengan serba ringkas tentang jenis sekolah yang terdapat di Kampung Parit Bilal. Satu daripadanya Sekolah Rendah Kebangsaan Parit Bilal dan sebuah lagi yang di khaskan untuk pelajaran ugama bagi kanak-kanak yang tinggal di kampung. Juga di dalam bab yang lalu pengkaji telah menerangkan mengenai jumlah kanak-kanak yang terpaksa keluar kampung untuk melanjutkan pelajaran.

Di dalam bab ini pengkaji akan lebih menumpukan kepada tingkat pelajaran ketua keluarga yang mana ia lebih berkaitan dengan hal-hal yang akan dibincangkan kemudian. Dalam jadual 5.5 dapat di lihat tingkat pelajaran ketua rumah mengikut katogeris pekerjaan.

Dari segi pekerjaan, ketua keluarga ini dibahagikan kepada beberapa katogeris seperti biasa di lakukan, iaitu didalam pertanian, di luar pertanian (dengan kerajaan dan luar kerajaan) dan mereka yang tidak bekerja. Sementara tingkat pelajaran ketua rumah di bahagikan kepada 9 bahagian iaitu sekolah menengah, darjah 1 - 6, sekolah arab dan tidak bersekolah (jadual 5.5).

JADUAL 5.5 TINGKAT PELAJARAN KETUA RUMAH MENGIKUT PEKERJAAN

Pekerjaan Tingkat Pelajaran Ketua Rumah	Dalam Pertanian		Luar Pertanian Dengan Kerajaan		Luar Kerajaan		Tidak Bekerja	Jumlah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%		Bil	%
1. Sekolah Menengah	1	2.56	14	28				20	20
2. Darjah 6	10	26.64	15	30	3	50		28	28
3. Darjah 5	5	12.83	5	10	1	16.67		11	11
4. Darjah 4	7	17.95	6	12	1	16.67		14	14
5. Darjah 3	4	10.26	1	2	1	16.67	5	100	6
6. Darjah 2									
7. Darjah 1									
8. Sekolah Arab	1	2.56	1	2				2	2
9. Tidak pernah sekolah	11	28.20	8	16				19	19
JUMLAH	39	100	50	100	6	100.01	5	100	100

Dari data ini dapat kita lihat tingkat pelajaran ketua keluarga di sektor pertanian. Walaupun mereka bergiat di sektor pertanian tetapi 25.64% atau 10 orang daripada mereka ini telah mencapai taraf pelajaran sehingga ke darjah 6, dan seorang daripadanya (2.56%) bersekolah menengah. Di kalangan mereka yang bersekolah di tingkat paling rendah sekali ialah darjah 3 - 4 orang, darjah 4 - 7 orang dan darjah 5 - 5 orang. Seorang saja dari mereka ini yang bersekolah arab. Sementara 28.20% atau 11 orang yang tidak pernah menjakkan kaki ke sekolah.

Berbanding dengan mereka yang bekerja dengan kerajaan dan di luar pertanian. Dalam hal ini pelajaran adalah penting untuk menentukan kedudukan seseorang sebagai pekerja kerajaan. Tingkat pencapaian pelajaran mempunyai kaitan dengan jawatan yang di pegang dimana kelulusan diutamakan. Sebab itulah dari jadual 5.5 kita dapati 14 orang atau 28% dari bilangan ketua keluarga yang belajar di sekolah menengah. Mereka terutamanya terdiri dari pegawai-pegawai, guru dan kerani. Seorang dari mereka ini bersekolah arab yang merupakan guru ugama dan 8 orang atau 16% dari mereka yang tidak bersekolah.

Bagi golongan yang berkerja di luar kerajaan dan luar pertanian, tingkat pelajaran yang dicapai oleh mereka ialah antara darjah 3 hingga darjah 6. Mereka biasanya terdiri dari ahli peniaga yang bijak, tukang rumah yang mahir dan sebagainya. Mereka mungkin tidak bekerja dengan kerajaan atas sebab-sebab tertentu, umpamanya pekerjaan yang mereka lakukan mendatangkan hasil yang lebih jika di bandingkan jawatan serta pendapatan yang di perolehi jika mereka ini bekerja dengan pihak kerajaan.

Keadaan yang serupa juga berlaku kepada 5 orang ahli keluarga yang tidak bekerja atau mereka ini sakit atau cacat yang boleh melarang mereka dari bekerja dengan kerajaan walaupun mereka mempunyai pelajaran darjah 3 yang di anggap tinggi pada zaman mereka.

5.7 Bentuk stratifikasi sosial dan leadership yang wujud serta faktur-faktur penentu status dan kelas.

Diantara kesan-kesan sosial yang paling ketara sekali wujud hasil dari ketidakseimbangan pengagihan ekonomi di dalam masyarakat ialah bentuk stratifikasi sosial atau susunlapis masyarakat di mana ianya juga mencorakkan bentuk leadership atau pimpinan di Kampung Parit Bilal ini.

Latar belakang ethnik serta kebidaayaan yang sama dan perpaduan sosial yang di perkukuhkan oleh kepercayaan ugama bahawa semua orang sama sahaja di hadapan Tuhan, menimbulkan anggapan yang sama, serupa atau tidak berbeza antara sesama mereka.⁽¹⁹⁾ Namun demikian jika di teliti akan didapati terdapat perbezaan diantara mereka samada akibat dari kedudukan ekonomi, sosial atau sebagainya.

Di dalam bab II telah di terangkan dengan panjang lebar mengenai definisi kelas dan status serta faktur-faktur penentunya. Begitu juga dengan stratifikasi dan leadership. Namun demikian pengkaji akan menyorotkan kembali beberapa definasinya dengan secara ringkas supaya jelas penggunannya di dalam penghuraian selanjutnya.

Stratifikasi bermaksud penyusunan kedudukan individu di dalam masyarakat hiraki tinggi rendah yang di tinjau dari aspek faktur kelas, status dan role. Stratifikasi dalam masyarakat juga dapat di lihat dari aspek status pekerjaan seseorang. Ia merujuk pula kepada kebolehan dan jenis pekerjaan samada memerlukan skill atau pengetahuan yang tertentu.

Satu aspek yang penting juga di kaitkan dengan aspek pekerjaan iaitu pekerjaan yang boleh di hasilkan oleh bidang tertentu. Ia berlaku kerana bidang pekerjaan yang tertentu itu menghasilkan pendapatan yang berbeza dengan jenis pekerjaan yang lain. Pendapatan yang tinggi membolehkan

(19) Op. cit. m. surat 105.

seseorang individu itu memiliki barang yang menjadi simbol status.

Dengan ini ternyata di dalam masyarakat yang di kaji, terdapat stratifikasi yang di dasarkan kepada kriteria-kriteria pendapatan, pemilikan harta, peranan dalam masyarakat terutama dalam politik dan sosial. Pekerjaan juga dapat menentukan kelas dan status seseorang itu di kampung. Status seseorang boleh di tinjau daripada 'style of life' dan menilaian yang di beri oleh anggota komuniti terhadap seseorang. Kelas pula ditentukan oleh faktur ekonomi iaitu mempunyai hubungan dengan pemilikan harta, faktur pengeluaran dan pendapatan seseorang itu. Mereka yang mempunyai peluang hidup yang sama dan mempunyai kepentingan ekonomi dengan pemilikan barang-barang dan peluang pendapatan yang sama adalah dalam golongan kelas yang sama.

Lima faktur yang boleh digunakan untuk menentukan kedudukan tinggi rendah seseorang dalam Kampung Parit Bilal ini. Faktur-faktur tersebut seperti keturunan, pelajaran, kebolehan, peranan dan sifat peribadi seseorang.

Keturunan adalah faktur yang diterima secara 'ascribed'. Faktur pelajaran pula termasuklah yang sekular dan ugama. Sementara faktur kebolehan pula di maksudkan kebolehan di dalam lapangan-lapangan yang berkaitan dengan pelajaran.

Bukan satu faktur sahaja penentu status. Walaupun ini mungkin, akan tetapi status seseorang itu lazimnya di tentukan oleh penumpuan atau pengaruh beberapa faktur.⁽²⁰⁾ Seseorang itu mungkin mempunyai status yang tinggi di sebabkankekayaan, tetapi ia diperkuuhkan lagi dengan sikapnya yang warak dan alim. Sebaliknya ada satu atau dua faktur status ini tidak semestinya memberikan status yang tinggi kepada seseorang.

(20) Op. cit. m. surat 109

Bagi penduduk kampung, untuk menentukan harta mereka agak susah, sebab itu di dalam sektor pertanian punca pengeluaran yang penting adalah hasil dari tanah (22% daripada mereka bergiat dalam bidang pertanian). Pada asasnya penumpuan milik tanah di kawasan Kampung Parit Bilal ini tidak menampakkan sistem tuan tanah dan pengera tanah. Di dalam kajian yang di jalankan hanya seorang sahaja yang memiliki tanah lebih dari 20 ekar. Tetapi tanahnya tidak di sewakan untuk di kerjakan malah diusahakan dengan cara lain umpamanya dibuatkan rumah sewa, ditanamkan dengan buah-buahan atau tanaman yang diusahakan dikerjakannya sendiri bersama-sama anak dan isteri.

Kebanyakan kes yang dikaji, responden menjalankan pekerjaan di tanah sendiri dan walaupun ada yang bekerja di tanah orang lain, itu hanyalah sebagai sambilan dan bilangannya terlalu kecil.

Jika dilihat dari segi pendapatan pula, petani ini biasanya mempunyai pendapatan yang rata-rata amat rendah sekali terutamanya yang terdiri dari petani susah, dan yang memiliki tanah yang kurang dari satu ekar. Oleh sebab itu penduduk dari Kampung Parit Bilal ini sukar untuk dikatogerikan dari segi i) pemilik

- ii) pemilik serta-pemilik-pengerja
- iii) pemilik pengera
- iv) pemilik pengera serta pengera, dan
- v) pengera.

Oleh sebab itu pengkaji lebih senang mengkatogerikan mereka ini berdasarkan kepada pendapatan, keluasan tanah, umur, pekerjaan serta tanggungan. Mereka boleh di bahagikan kepada tiga kelas iaitu

- i) petani senang
- ii) petani sederhana, dan
- iii) petani susah.

Namun begitu di kalangan penduduk yang tidak menceburkan diri dalam bidang pertanian telah bekerja dengan kerajaan (50%) dan bekerja sendiri atau swasta (23%), mereka ini tidak langsung bergantung kepada tanah untuk hidup. Di sebabkan pendapatan yang tinggi dan hidup mewah maka mereka di letakkan di dalam katogeri kelas menengah (jadual 5.6). Bilangan mereka adalah 37% dan merupakan bilangan yang terbesar sekali di kampung ini.

Responden yang terdiri dari buruh yang mempunyai pendapatan lebih rendah dari golongan menengah diatas, pengkaji meletakkannya di dalam satu katogeri 'buruh'. Orang-orang yang di dalam katogeri ini ialah orang yang biasanya memulakan hidup dengan tidak mempunyai apa-apa tetapi bekerja kuat dan terpaksa mengikat perut untuk menambahkan harta. Ada diantara mereka yang secara perlahan-lahan telah dapat memiliki seluas 7 ekar tanah yang pada mulanya mereka ini tidak mempunyai tanah dan terpaksa menyewa. Mereka yang termasuk di dalam katogeri buruh ini ialah 26%.

Dan akhirnya mereka yang tidak bekerja atas sebab-sebab tertentu (telah di terangkan dalam bab awal) juga di masukkan dalam satu katogeri mereka yang tidak bekerja. Bilangan mereka adalah 5% sahaja.

Jadi dari segi pembahagian kelas ini dapat di rumuskan bahawa pengkaji mengkatogerikannya berdasarkan kepada pendapatan dan tanggungan di samping faktur-faktur lain. Dari jadual 5.6 didapati bahawa tidak ada pun diantara responden yang dikaji boleh di katogerikan sebagai tuan tanah atau kelas atasan kerana kebanyakan tanah yang di perolehi oleh segelintir mereka yang mempunyai tanah yang luas tidak menyerahkannya untuk diusahakan oleh orang lain. Oleh itu mereka di masukkan kedalam kelas menengah sahaja.

Telah di perkatakan bahawa kedudukan ekonomi yang tinggi tidak semestinya meletakkan seseorang itu pada status yang tinggi. Dari segi pembahagian kelas mungkin ia menduduki tempat yang tinggi tetapi tidak begitu dari segi status. Pekerjaan yang mendatangkan status pendapatan yang baik terutama

Jadual 5.6: Pembahagian kelas.

Pembahagian kelas	Bilangan	%
1. Tuan tanah	-	-
2. Kelas menengah	37	37
3. Petani senang	15	15
4. Petani sederhana	10	10
5. Petani susah	7	7
6. Buruh	26	26
7. Tidak bekerja	5	5
Jumlah	100	100

yang berkaitan dengan pentadbiran atau kerajaan membawa bersamanya status juga. Dalam kes Kampung Parit Bilal, komuniti yang tidak bergiat dengan pertanian adalah ramai. Mereka terdiri dari pegawai kerajaan, Naib Ketua Kampung, guru-guru ugama dan kerani. Mereka ini di hormati disebabkan pengetahuan serta pelajaran yang di percaya ada pada mereka. Tambahan pula sekiranya mereka ini aktif di dalam persatuan dan dipercayai boleh mengubah keadaan hidup penduduk kampung, mereka boleh dianggap sebagai pemimpin dan mempunyai status yang tinggi didalam masyarakat.

Kekayaan dengan sendirinya tidak begitu dipandang tinggi sangat. Kadang kala ia dianggap sebagai punca segala kejahanan yang dipandang buruk oleh penduduk kampung. Contohnya:

Responden A

Seorang kaya berusia 60 tahun yang memiliki harta dan tanah seluas 15 ekar. Beliau terlalu sompong dan tidak pernah menjakkan kaki ke masjid. Orang ini kurang di hormati kerana sikap serta keengganannya bergaul dengan masyarakat. Dari itu beliau telah tersisih dan tidak mempunyai status yang tinggi dimata masyarakat kampung.

Responden B

Seorang tua berumur 71 tahun bekas guru yang telah bersara menjadi guru Quran di masjid. Juga merupakan seorang yang kaya tetapi selalu memberi bantuan kepada mereka yang susah. Walau pun usia yang telah tua, beliau tetap dilantik sebagai ahli jawatan kuasa kampung dan bilal masjid. Orang seperti inilah yang di jadikan sebagai pemimpin dan mempunyai status dipandangan masyarakat.

Mungkin dari segi kelas penduduk boleh dikatogerikan dengan mudah, tetapi dari segi status adalah agak sukar kerana ia merangkumi beberapa faktur lain. Orang yang rendah kelasnya mungkin mempunyai status yang lebih tinggi dari golongan atasan (golongan sederhana dalam kajian kes ini). Ini adalah kerana penduduk kampung terpaksa patuh kepada norma dan nilai-nilai kekampungan terutama dalam institusi kenduri, perkahwinan dan sebagainya. Orang yang biasa dijemput selalunya terdiri dari mereka yang tinggi statusnya seperti ketua kampung, pegawai serta sahabat handai.

Di sebabkan adanya peranan yang di mainkan dalam institusi keugamaan dan kepercayaan tradisional contohnya bomoh, kedudukan ekonomi yang agak kukuh, tambahan pula ia seorang tua, sudah cukup untuk menjadikan ia sebagai seorang yang mempunyai status tinggi dikalangan masyarakat walaupun beliau tidak mempunyai banyak tanah, (tidak kaya).

Di lihat dari adpek pimpinan pula sudah tentu orang yang mempunyai status yang tinggi lebih diutamakan untuk menjadi pemimpin. Di Kampung Parit Bilal ini orang yang mempunyai status yang tinggi terdiri dari Imam, bilal, seorang pawang, pegawai kerajaan dan beberapa orang guru. Tidak semua mereka ini berharta kecuali pegawai kerajaan dan dua orang guru (telah dibincangkan keluasan pemilikan tanah dan harta mereka di bab yang lalu). Mereka ini memang terdiri dari kelas pertengahan.

Mereka yang diataslah merupakan tokoh pemimpin di kampung ini disamping kelebihan yang ada pada mereka. Contohnya pegawai kerajaan yang mudah untuk berhubung dengan pihak kerajaan. Corak pimpinan baru yang terdapat di kampung ini tidak banyak berubah dari apa yang terdapat dimasa lampau. Keempat-empat buah kawasan kampung ini di letakkan di bawah satu pentadbiran ahli jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung yang dipengerusikan oleh seorang Naib Ketua Kampung dan 9 orang ahli jawatankuasanya sebagai pembantunya dalam pentadbiran kampung. Ke sembilan orang yang di pilih ini berdasarkan kepada ciri-ciri penentu kelas dan status yang membolehkan masyarakat kampung mempercayai mereka. Seorang daripadanya terdiri dari seorang Cina yang bergaul rapat dengan bangsa Melayu.

Dari sini dapat di rumuskan bahawa tidak ada faktur penentu status dan kelas yang khusus dalam membicarakan stratifikasi sosial masyarakat kampung ini. Di mana orang yang mempunyai kelas yang tinggi tidak mungkin dapat mengekalkan kedudukannya di status yang tinggi juga dalam masyarakat. Dengan kata lain orang yang kaya tidak semestinya di sanjung tinggi kerana harta kekayaannya, tetapi akan lebih di hormati sekiranya ia tidak melanggar norma-norma tempatan sesuatu masyarakat itu.

Sungguhpun demikian tidak wujud pertentangan kelas di kampung ini. Dan secara keseluruhannya penduduk di sini masih bersifat pasif dari segi politik di mana mereka hanya menerima apa sahaja yang mereka fikirkan baik tanpa menimbulkan reaksi untuk menentang. Mereka terdiri dari pengikut-pengikut UMNO yang kuat tanpa parti lain.

BAB VI

PENUTUP.

Di dalam bab ini pengkaji akan cuba merumuskan tentang persoalan-persoalan yang di bincangkan di dalam bab-bab yang lalu. Disamping itu juga akan diterangkan mengenai saranan-saranan yang diperolehi hasil dari kajian ini.

Perkara penting di dalam kajian ialah untuk melihat pola-pola pemilikan tanah di kalangan penduduk luar bandar. Apa yang didapati ialah pemilikan tanah di sini adalah tidak seimbang. Dari itu kajian ini bersetuju dengan pengkaji-pengkaji lain yang pernah membuat kajian dibawah tajuk yang sama.

T.B. Wilson yang pernah mengkaji masalah petani padi di negeri-negeri di Utara Tanah Melayu telah menunjukkan kira-kira 2/3 tanah sawah di Utara Perak, Kedah, Perlis, Seberang Prai dan Kelantan cuma dimiliki oleh 2,000 famili. Hal yang sama didapati oleh pengkaji-pengkaji tempatan seperti Syed Husin Ali di Bagan, Kerdau dan Kangkong; Mazidah Zakaria di Changkat Larang menemui pola yang serupa, iaitu pemilikan tanah di negeri ini memang tidak seimbang. Sungguhpun kerajaan ada menjalankan rancangan pembukaan tanah baru seperti Felda, Felcra dan tanah pinggir tetapi itu tidak dapat menyelesaikan masalah. (21)

Dari segi ekonomi, aktiviti penduduk Kampung Parit Bilal ini dapat di bahagikan kepada tiga bahagian iaitu;

i) Dalam pertanian.

ii) Luar pertanian

a. dengan kerajaan

b. luar kerajaan

iii) Tidak bekerja

(21) Diskusi; Mac/April 1978. muka surat 15

Ini dapat dilihat dari jadual 4.1. Kita dapati 22% daripada penduduk bergiat dalam sektor pertanian. 50% bergiat diluar pertanian tetapi tidak bekerja dengan kerajaan, 23% bekerja sendiri iaitu di luar kerajaan dan luar pertanian sementara 5% tidak bekerja. (lihat bab IV)

Di Kampung Parit Bilal ini kegiatan pertanian yang di jalankan adalah tanaman kelapa, getah, sagu dan berkebun. Kebanyakan dari kaum tani ini menjalankan aktiviti mereka dengan bantuan keluarga. Dari kajian yang dibuat dapat di simpulkan bahawa kaum tani di kampung ini dapat di bahagikan kepada tiga katogeri berdasarkan kedudukan mereka dalam ekonomi iaitu

- a) petani senang
- b) petani sederhana
- c) petani susah.

Akibat ketidakseimbangan pendapatan mereka ini maka wujudlah perkara-perkara yang mereka sendiri tidak ingini seperti ber hutang atau meminjam, keciciran anak-anak, kesulitan mengumpul harta dan membuat simpanan dan tabungan. Sungguh pun begitu mereka ini tidak suka dianggap sebagai miskin, sebaliknya berasa bersyukur dengan apa yang ada pada mereka.

Dari segi ekonomi ini dapatlah dibuat rumusan mengikut sektor yang di ceburi oleh sesuatu keluarga.

Pertama, mereka yang bergantung kepada tanah semata-mata sebagai sumber pendapatan. Pemilikan tanah di kalangan keluarga ini adalah sempit dan ada diantara mereka yang tidak memiliki tanah langsung, maka pendapatan mereka ini tidak seberapa. Sungguh pun begitu mereka tetap mengerjakan tanah sebagai sumber pendapatan untuk menyara kehidupan keluarga. Mereka lebih bergantung kepada tulang empat kerat mereka sendiri atau makan gaji di luar kerajaan.

Bagi golongan kedua yang bekerja dengan kerajaan, selain daripada pendapatan bergaji tetap, mereka mendapat pendapatan tambahan melalui kerja

sambilan keatas tanah atau hasil dari tanah. Sebab itu ada diantara ahli keluarga yang mempunyai pendapatan yang melebihi \$1600.00 sebulan.

Bagi mereka yang tidak bekerja, punca pendapatan mereka hanya mengharapkan pemberian dari isteri dan anak-anak dan hasil dari tanah yang dimiliki jika ada. Oleh itu pendapatan mereka adalah rendah sekali.
(bab V).

Walau pun banyak faktur kemiskinan petani tetapi sebahagian besar dari padanya ialah kesan dari pola pemilikan tanah yang tidak seimbang. Pemilikan tanah di kalangan petani ini adalah melalui beberapa cara seperti teroka, beli, hadiah atau anugerah dan pusaka. Dalam kes ini tidak terdapat tanah yang di teroka sendiri oleh responden. Peratus pemilikan tanah melalui cara yang di terangkan boleh di lihat dalam jadual 4.1. Dari data yang di perolehi, mereka yang tidak terlibat dengan tanah memiliki tanah yang lebih luas iaitu 181.25 ekar atau 66.85% daripada keluasan-keluasan pertanian.

Terdapat juga proses timbun tambah harta terutama dalam bentuk belian tanah dari wang tabungan mereka. Mereka membeli tanah dari penduduk didalam kampung.

Kesan-kesan atau implikasi ekonomi yang di manifestasikan daripada pola-pola pemilikan tanah yang diterangkan telah membawa kepada implikasi sosial.

Akhir sekali di bincangkan tentang stratifikasi yang wujud kesan dari pola pemilikan tanah di Kampung Parit Bilal. Dari segi kelas, penduduk kampung ini terbahagi kepada enam kelas sahaja. Dari kajian yang diperolehi, tidak terdapat golongan kelas atasan atau tuan-tuan tanah. Yang paling ramai ialah kelas menengah 37%, petani senang 15%, petani sederhana 10%, petani susah 7%, buruh 26% dan tidak bekerja 5%. Kelas-kelas diatas menentukan status mereka di kampung disamping faktur-faktur seperti umur,

sifat peribadi, ugama dan taraf pelajaran. Dimana akhirnya faktur diatas menentukan corak leadership di Kampung Parit Bilal. Oleh yang demikian kajian ini telah berjaya membuktikan teori yang mengatakan bahawa wujud pembahagian kelas dan status dalam masyarakat. Kedua, wujud pembahagian pemilikan tanah yang tidak seimbang di kalangan masyarakat Melayu luar bandar di mana di dalam kes Kampung Parit Bilal ini telah mula wujud golongan baru yang cuba memonopoli keluasan tanah di kampung ini. Sungguh pun begitu seperti di kampung-kampung lain di sini juga wujud stratifikasi tetapi ianya tidak begitu ketara. Di mana setiap ahli masyarakat bergaul diantara satu sama lain dan menganggap mereka sama sahaja tanpa perbezaan taraf.

Secara keseluruhannya dapatlah dibuat kesimpulan bahawa dari segi klassifikasi kampung masih lagi kampung tradisional. Sungguh pun begitu sebahagian besar dari penduduk sudah tidak bergiat dalam pertanian. Ini di sebabkan telah terdapat berbagai perusahaan yang ada di kampung. Contohnya telah ada 2 buah kilang biskut, 1 perusahaan membuat pakaian, 1 perusahaan batu bata, 2 buah perusahaan besi dan 2 buah kilang mengusahakan sagu. Kebanyakan nilai-nilai tradisional jika tidak di pelihara akan luput juga. Tambahan pula memandangkan banyak perusahaan yang di jalankan termasuk sebuah kilang elektronik yang di percayai akan mengubah bentuk struktur kampung kerana telah mula adanya kemasukan belia dari luar yang bekerja di kampung ini. Mereka ini menyewa di rumah sewa yang di bina oleh pemilik tanah yang tidak bergiat dalam sektor pertanian.

berbagai-bagi objektif pembangunan desa yang dapat di kaji dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Objektif utama pembangunan pertanian adalah untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Oleh itu kerajaan perlu menyusun rancangan yang rapi supaya taraf kehidupan penduduk kampung dapat di baiki, atau mengambil tindakan tertentu supaya tanah pertanian ini dikekalkan dengan memberi bantuan kepada petani-petani untuk menjadi petani moden.

Dari sini kita mulai sedar bahawa Kampung Parit Bilal ini mula mengalami peringkat perubahan dari kampung tradisional kepada kawasan bandar, memandangkan kemudahan yang telah sedia ada dan projek perumahan yang dimiliki oleh beberapa orang Cina mula memenuhi tanah di kawasan Kampung Parit Bilal ini. Jadi tidaklah salah atau keterlaluan jika pengkaji meletakkan masyarakat Kampung Parit Bilal sebagai sedang di persimpangan jalan menuju pemodenan.

BIBLIOGRAFI

1. CHAMCHURI SIWAR; 'Kehendak Dan Bentuk Reformasi Tanah di Malaysia;' D.B.P. K.Lumpur (1978)
2. FRESTIGER & KATZ; 'Research method in the Behavioural Sciences' Holt Rinehart and William Inc. USA. (1953)
3. GOODE, W & HATT P. 'Method in Social Research'; Mc.Graw Hill Book Co. Inc. New York (1952).
4. GOULDNER, A.W. 'Studies In Leadership', New York (1965)
5. HANS GIRTH & C. WRIGHT MILLS (ed) 'From Max Weber' essay in Sociology, New York, Oxford University Press (1946)
6. JAMES LITTLE JOHN; 'Social stratification an Introduction' (ed) Prof. W.M. Willian, University Of Collage Surance, London.
7. L. MAIR; 'Introduction to Social Anthropology' Oxford University Press (1968)
8. MOSER END KALTON; 'Survey Method In Social Investigation. 2nd edition London (1971)
9. M.I DE FLEUR; 'Studying Man In Society', Scott Foresman and Co. USA introduction (1972)
10. M.G. SWIFT; 'Pleasant Society in Jelebu' Univursity Of London The Athione Press. New York Humanity Press Inc. (1965)
'Capital, saving, and Credit in Malay Pleasant Economy' Acidine Publishing Co Chicago (1969)
11. PATIRIM, SOROKIN; 'Social Mobility in Social and Culture Mobility' The Free Press (1959)
12. RAFT, DAHRENDORF; 'Class and class Conflict in Industrial Society' London (1957)
13. ROBIN FOX; 'Kinship and Marriage' A Pelican Origin (1967)
14. S. HUSIN ALI; 'Masyarakat Dan Kepemimpinan Kampung di Malaysia'. Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd. K.Lumpur (1977).
15. T.B. BOTTOMORE; 'Class in Modern Society', George Allen and Unwin Ltd. London (1970).

LATIHAN ILMIAH

1. LOKMAN MUSA; 'A Study of Land Administration and Distribution in Johore, with A Study of Land Situation in Mukim 8 Batu Pahat'. (Thesis B.A) Universiti Malaya (1957). Microfilm.
2. MAZIDAH ZAKARIA; 'Susunan Ekonomi dan Sosial Kampung Larang Simpanan Melayu Perak, Kuala Lumpur, Universityi Malaya. 1967 (Thesis M.A).
3. S. HUSIN ALI; 'Social Stratification in Kampung Bagan (a case study of class, status , conflict & mobility in a class rural Malay Community)Universiti Malaya, Kuala Lumpur (Thesis M.A) (1962).
4. RAFFIEN B. SHAFIE; 'Pemilikan Tanah Orang orang Melayu di Mukim Parit Bakar Dua, Implikasi Sosial dan Ekonomi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1981/82. (Thesis B.A).

MAJALLAH DAN ARTIKAL

1. Diskusi April/mei 1978.
2. Diskusi ogos/september 1978.
3. Dewan Masyarakat 15 November 1982.